**KN taja SAR RM15 juta**
MS 3





**Jambatan ke-3, surat diutus**
MS 15



PERCUMA

# buletin Mutiara




www.buletinmutiara.com

16 – 30 JUN, 2016

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng




# Projek Kompleks Mahkamah Syariah, tiada lagi penangguhan setelah dua kali lewat, tegas KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**



**LAKARAN artis rupa bentuk Kompleks Ibu Pejabat Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang apabila siap kelak.**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri tidak berpuas hati dengan kelewatan kerja-kerja pembangunan Projek Kompleks Ibu Pejabat Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang yang terletak di Jalan Batu Gantung/Jalan Scotland, Daerah Timur Laut.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, antara kelewatan berkenaan adalah disebabkan masalah kewangan dan pengurusan daripada pihak kontraktor.

Jelasnya, **mengikut perancangan asal, projek dibangunkan pihak kontraktor dilantik pada Januari 2012 sepatutnya siap pada 1 Oktober 2014.**

**"Walau bagaimanapun, saya difahamkan oleh pihak JKR, projek ini mengalami kelewatan di pihak kontraktor dan tidak berjalan seperti yang dijadualkan.**

**"Kerajaan Negeri tidak berpuas hati, saya sendiri tidak berpuas hati setelah banyak kali datang melawat tapak ini, malah TYT (Yang diPertua Negeri, Tun Dr. Abdul Rahman Abbas) juga pernah melahirkan rasa kecewa dan ini sungguh mendukacitakan**," katanya sejurus Taklimat Lawatan Kerja ke tapak tersebut baru-baru ini.

Turut sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus serta wakil-wakil daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri dan Pejabat Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang.

Guan Eng memberitahu, projek berkaitan diluluskan khas oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2012.

"Projek ini amat bernilai tinggi, di kawasan yang bernilai tinggi, malah projek ini melambangkan kewibawaan Kerajaan Negeri dalam menyediakan kemudahan berprestij bagi masyarakat setempat berurusan (dengan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri).

"Ia merupakan projek usahasama murni antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, iaitu Kerajaan Negeri menyediakan tapak (tanah), manakala Kerajaan Persekutuan pula menanggung kos projek berkaitan.

"Namun, atas sebab-sebab tertentu, seperti yang dimaklumkan oleh JKR, projek ini telah lewat 21 bulan dari yang dijadualkan," ujarnya.

Tambah Guan Eng, kelewatan projek berkenaan dikhuatiri memberi implikasi negatif terhadap Kerajaan Negeri sungguhpun kelewatan bukan berpunca daripada pihak Kerajaan Negeri.



**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika mengadakan lawatan ke tapak projek Kompleks Ibu Pejabat Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang yang terletak di Jalan Batu Gantung/Jalan Scotland, Daerah Timur Laut di sini baru-baru ini.**

"Sememangnya kita bersimpati dengan badan kehakiman syariah di sini, tapi Kerajaan Negeri terpaksa berdepan dengan rakyat dan menjelaskannya.

"Saya harap, tiada lagi penangguhan selepas ini memandangkan sebelum ini sudah dua kali mengalami kelewatan, ini adalah mutakhir, projek ini akan siap menjelang 30 Jun 2016 nanti seperti yang dijanjikan.

"Saya sudah tidak mahu lagi janji demi janji diberikan tetapi tidak ditunaikan," tegasnya.

Kos asal kontrak Projek Kompleks Ibu Pejabat Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang adalah RM32,939,598, bagaimanapun, sehingga ke hari ini, kos semasa adalah berjumlah RM29,318,066.

Projek berkaitan telah diberi Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT) sebanyak dua kali iaitu pada 1 Januari 2015 dan 28 April 2015.

Namun, sehingga 29 April 2016, projek tersebut masih belum disempurnakan dan pihak kontraktor telah dikenakan Denda Ganti Rugi Ditetapkan (LAD) sebanyak RM2,168,603.

Apabila siap kelak, kompleks tersebut mempunyai tujuh aras yang terdiri daripada dewan bicara mahkamah, kamar-kamar hakim, bilik chamber, balai polis, nurseri, surau, ruang lobi, kafeteria, bilik tahanan, dewan serbaguna dan perpustakaan.

Pada masa sama, ia turut dilengkapi dengan kemudahan mesra orang kurang upaya (OKU).

## Daya saing Malaysia jatuh 5 tangga, paling teruk dalam 9 tahun, respons KM

**GEORGE TOWN –** Daripada 61 negara yang disenarai dalam *Malaysia Competitiveness Yearbook 2016*, daya saingan Malaysia pada tahun ini berada pada kedudukan ke-19, iaitu jatuh lima anak tangga berbanding ke-14 pada tahun lalu.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, kedudukan tersebut menunjukkan negara kini berada pada keadaan yang paling teruk dalam tempoh sembilan tahun ini.

"Tahun 2008, kita (Malaysia) telah naik, tetapi sekarang telah turun...iaitu, keadaan yang paling teruk dalam sembilan tahun ini.

"Ini, kita boleh lihat ekonomi teruk, macam mana rakyat susah, ada buat bisnes (tetapi) bisnes turun, yang makan gaji (tetapi) gaji tak cukup belanja," katanya yang juga Ahli Parlimen Bagan pada sidang media di sini baru-baru ini.

Guan Eng bagaimanapun berkata, Pulau Pinang masih menunjukkan daya saing berbanding Kerajaan Pusat dan beberapa negeri lain.

"Kita (Pulau Pinang) berharap bahawa anggota pentadbiran Kerajaan Negeri dapat menghargai inisiatif dan juga hasrat baik Kerajaan Negeri dengan mengumumkan 'Bonus Raya' 0.75 bulan, suatu peningkatan berbanding 0.5 bulan pada tahun lepas (2015)," katanya ketika ditanya sama ada Kerajaan Pulau Pinang turut bimbang atau sebaliknya mengenai kedudukan daya saing terbaru negara.

Difahamkan, laporan *Malaysia Competitiveness Yearbook 2016* mula menggamit perhatian banyak pihak apabila didedahkan dalam sebuah akhbar berbahasa Cina, sebelum dilaporkan sekali lagi dalam tabloid *The Edge Malaysia* baru-baru ini.

Memetik laporan berita tersebut, kejatuhan harga minyak dunia, penyusutan nilai Ringgit Malaysia (RM) serta skandal kewangan negara membabitkan syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) merupakan tiga faktor utama yang menyumbang pada daya saing Malaysia jatuh ke kedudukan ke-19 pada tahun ini.

## 54,000 Ibu Emas terima insentif tahunan

**PULAU BETONG –** Seramai 54,000 suri rumah menerima insentif bernilai RM100 menerusi Program Penghargaan Ibu Emas hasil inisiatif Kerajaan Negeri bermula 6 Jun hingga 17 Jun 2016.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, insentif tahunan tersebut adalah bagi menghargai jasa dan pengorbanan kaum wanita yang tidak bekerja dan memilih untuk menjadi suri rumahtangga sepenuh masa.

"Saya harap sumbangan akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh 54,000 penerima tahun ini," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Program Penghargaan Ibu Emas merupakan program kebajikan Kerajaan Negeri bagi menghargai kaum wanita yang telah berumahtangga dan tidak mempunyai pendapatan tetap atau suri rumahtangga.



**TIMBALAN Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (berdiri, empat dari kanan) ketika meninjau proses pembayaran Program Penghargaan Ibu Emas di Balik Pulau di sini baru-baru ini. Turut menemani beliau, Pegawai Penyelaras KADUN Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail, PPK Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid dan PPK Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz.**

Permohonan boleh dibuat di semua Pejabat Daerah dan Tanah, Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) atau Ahli Parlimen, Pusat Khidmat Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) atau Pejabat Masyarakat Penyayang, Aras 46, Komtar.

# KN taja RM15 juta bina sekolah agama untuk rakyat


**PROF. Madya Dr. Abdul Halim Abdul Aziz.**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri menaja sejumlah RM15 juta bagi pembinaan sekolah agama, Pusat Pendidikan Al-Itqan (PPAIQ) yang terletak di Lot 347 dan Lot 348, Mukim 9, Teluk Kumbar, Bayan Lepas.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek pembinaan pusat pendidikan tersebut bakal melibatkan pembinaan empat blok bangunan empat tingkat secara berfasa di atas sebidang tanah berkeluasan tiga ekar.

"Projek yang akan dibangunkan oleh pemaju, *Ideal Property Group* (IDEAL) ini adalah bertepatan pada waktunya memandangkan bukan sahaja kerana (pengumuman dibuat pada) bulan Ramadan, tetapi juga dapat memanfaatkan rakyat khususnya penduduk di Teluk Kumbar pada masa hadapan," katanya ketika mengumumkan perkara tersebut pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng dan Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo.

Turut sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Dato' Maktar Shapee merangkap Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri; Pengerusi Lembaga Pengarah PPAIQ, Prof Madya Dr. Abdul Halim Abdul Aziz dan Pengerusi IDEAL, Datuk Alex Ooi.

Menurut Guan Eng, projek yang dijangka mengambil masa 18 bulan (untuk Fasa 1) itu akan dilengkapi dengan 56 buah bilik darjah, dua buah bilik guru, pejabat pentadbiran, bilik rawatan, koperasi, dewan serbaguna, bilik persidangan, perpustakaan, bilik komputer, makmal sains dan kantin.


**ILUSTRASI grafik cadangan pembangunan Sekolah Al-Itqan di Teluk Kumbar, Bayan Lepas.**

"Kini, sekolah tersebut mempunyai 220 murid sekolah rendah dan 70 pelajar sekolah menengah.

"Apabila siap kelak, ia mampu menampung sehingga 1,000 pelajar sekolah rendah dan menengah," jelasnya.

Dalam pada itu, **Abdul Halim melahirkan rasa syukur apabila menerima berita gembira tersebut.**

**"Terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan Ketua Menteri kerana merealisasikan hasrat kami (PPAIQ) untuk membangunkan bangunan sekolah yang lengkap dengan kemudahan pengajaran dan pembelajaran,"** katanya pada sidang media yang sama.

PPAIQ merupakan sekolah berintegrasi dua aliran iaitu aliran agama dan aliran perdana yang beroperasi tanpa laba.

Terletak di Jalan Kampung Masjid, Teluk Kumbar, sekolah yang mula beroperasi pada tahun 1998 itu, dahulunya dikenali sebagai Sekolah Rendah Islam Al-Islah dengan hanya tiga orang tenaga pengajar dan 70 murid.

# Subsidi rawatan dialisis RM1.8 juta KN, pesakit terpilih dapat rawatan murah

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**


**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan dengan Zakiyuddin Abdul Rahim (tiga dari kanan) dan Nur 'Aliyah Karen Abdullah (lima dari kanan) selepas selesai Majlis Menandatangani MoU Program Subsidi Rawatan Dialisis antara Kerajaan Negeri Dengan Pusat Haemodialisis Masjid At-Taqwa dan MAA Medicare Dialysis Centre di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1.8 juta peruntukan subsidi supaya pesakit buah pinggang yang kurang berkemampuan boleh mendapatkan rawatan berkala dengan kos lebih murah bagi setiap sesi rawatan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, dengan peruntukan lebih RM1.8 juta bagi kerjasama selama tiga tahun sehingga 2018, diharap lebih ramai penduduk kurang berkemampuan terutamanya di Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Tengah (SPT) dapat menikmati manfaat rawatan dialisis pada harga yang amat berpatutan.

"Pesakit-pesakit di bawah program dialisis Kerajaan Negeri hanya perlu membayar di antara RM95 sehingga RM157 setiap seorang, (namun) pesakit akan diberikan subsidi RM30 bagi setiap rawatan di pusat ini.

"Kedua-dua pusat dialisis ini turut menerima pesakit daripada semua lapisan masyarakat, termasuk muslim dan bukan Islam, tanpa mengira warna kulit.

"Asalkan mereka layak, mereka tanpa mengira faham politik boleh terus mendapatkan rawatan di kedua-dua pusat rawatan ini," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Program Subsidi Rawatan Dialisis antara Kerajaan Negeri dengan (Kerjasama Sektor Kerajaan-Swasta) Pusat Haemodialisis Masjid At-Taqwa di SPU dan *MAA Medicare Dialysis Centre*, SPT.

Kerajaan Negeri diwakili Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait, dengan Pengerusi Pusat Haemodialisis Masjid At-Taqwa, Datuk Ir. Zakiyyudin Abdul Rahim dan Ketua Pegawai Eksekutif MAA Medicare Dialysis Centre, Datuk Nur 'Aliyah Karen Abdullah.

Turut menyaksikan majlis memeterai MoU tersebut, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Phee Boon Poh (Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar), Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Jagdeep Singh Deo (Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan) serta Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti).

**Daripada RM1.8 juta peruntukan tersebut, Guan Eng memberitahu, Pusat Haemodialisis Masjid At-Taqwa akan menerima tambahan lima mesin dialisis yang keseluruhan bernilai RM222,500, selain bantuan kos utiliti bagi kegunaan pusat dialisis dan pengangkutan pesakit terpilih.**

**Dengan sumbangan itu, tambahnya, pusat dialisis tersebut dalam sebulan mampu merawat maksimum 44 pesakit, berbanding 24 orang sebelum ini.**

**Manakala MAA Medicare Dialysis Centre pula, jelas beliau, menerima gantian lapan mesin dialisis serta subsidi bagi nephrologist dan pengurusan sisa klinikal.**

Dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng turut merakamkan penghargaan kepada syarikat B. Braun yang menaja lima mesin dialisis dan sebuah mesin dialyser reprocessor berharga RM262,500 untuk diletakkan di Pusat Dialisis CAT Balik Pulau.

"Kerajaan Negeri berbelanja sebanyak RM287,383.50 sehingga Januari 2016 bagi Pusat Dialisis CAT Balik Pulau, yang mula beroperasi pada tahun 2014...kos pengubahsuaian sahaja hampir RM1 juta.

"Pusat Dialisis CAT Balik Pulau kini mempunyai 11 mesin dialisis dan dua mesin dialyser reprocessor, dan mempunyai 44 orang pesakit, setiap kali rawatan kos maksimum adalah RM30.

"Kerajaan Negeri berharap lebih banyak lagi syarikat korporat akan tampil seperti B. Braun, dengan menaja pusat-pusat dialisis, bagi menawarkan perkhidmatan rawatan dialisis pada harga subsidi," ujar beliau.

# Warta Hutan Simpan Ulu Muda demi 4 juta rakyat utara Semenanjung

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB & AINUL WARDAH SOHILLI**

**SUNGAI DUA** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sekali lagi menggesa Kerajaan Pusat supaya segera menunaikan janjinya memajukan Cadangan Skim Bekalan Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) serta membiayai kos projek itu yang dianggarkan sebanyak RM2 bilion.

Tegasnya, Kerajaan Negeri tidak boleh selama-lamanya bergantung pada sumber air mentah tunggal dari terusan Sungai Muda, serta perlu sumber alternatif dari sungai negeri Perak.

"Sungguhpun tidak memihak pada Kerajaan Negeri (Pulau Pinang), tetapi Kerajaan Negeri juga menandatangani Perjanjian Penstrukturan Air Semula supaya Projek (Penarafan) Empangan Air Mengkuang dapat dimulakan dengan lebih cepat.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak mahu hanya bergantung kepada Sungai Muda, kita mahu bergantung dengan satu lagi sumber air mentah, iaitu dari Sungai Perak supaya jaminan bekalan air ini bukan sahaja untuk Pulau Pinang, juga untuk Perak," katanya pada Majlis Pembukaan Pakej 12 Loji Rawatan Air (LRA) terbesar negara di sini baru-baru ini.

Bercakap pada sidang media sama, Pengurus Besar Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa sekali lagi menggesa Kerajaan Pusat supaya mengharamkan aktiviti pembalakan di kawasan tadahan air, serta mewartakan kawasan Hutan Simpan Ulu Muda dekat negeri Kedah.

"Kita telah tegaskan isu ini banyak kali, Malaysia telahpun menandatangani *'Rio Protocol'* (dan) Kabinet (Kerajaan Persekutuan) telahpun menggazet kawasan tadahan di Kedah, apa telah berlaku sekarang.

"Kita bukan cuba mempolitikkan isu ini, kita bercakap mengenai nasib empat juta rakyat (di utara Semenanjung Malaysia) tanpa mengira kaum, agama, gender mahupun (sempadan) kenegerian.

"Kalau sungai semulajadi di Eropah membekalkan air kepada 27 negara, tiada mana-mana pihak bercakap bahawa satu pihak lain perlu membayar sesuatu bayaran.

"Tetapi, mereka ada suatu jawatankuasa bersama yang saling memberi komitmen bahawa kuantiti serta kualiti air (mentah) senantiasa dijamin untuk semua (27 negara Eropah terbabit)," ujarnya.

Selain itu, Jaseni pada Mesyuarat Agung Tahunan Perbadanan Bekalan Air Holdings Berhad (PBAHB) baru-baru ini turut menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Kedah wajar mewartakan kawasan tadahan Hutan Simpan Ulu Muda terlebih dahulu sebelum menuntut pampasan dari Putrajaya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai tuntutan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanapiah yang menuntut pampasan berwajib jika mahu aktiviti pembalakan di Ulu Muda dihentikan serta-merta.

Difahamkan, 80 peratus air mentah ke Pulau Pinang sehingga kini bergantung pada sumber Sungai Muda di dalam sempadan negeri ini.

Manakala, Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2011 lalu menandatangani surat perjanjian berwajib dengan Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN) supaya Projek Pemindahan Tadahan Hujan Perak-Pulau Pinang (Sungai Perak-Sungai Ijok-Sungai Kerian) segera dibuat.

Ketika itu, Guan Eng menegaskan perjanjian dengan Kerajaan Pusat penting demi memastikan negeri ini tidak akan menghadapi risiko kemungkinan kekurangan air selepas tahun 2020 kelak.

# PBAHB beri imbuhan dividen kepada pemegang saham bagi tahun ke-13



IR. Jaseni Maidinsa.

**GEORGE TOWN** – Perbadanan Bekalan Air Holdings Berhad (PBAHB) mencatatkan perolehan syarikat berjumlah RM300.325 juta dan keuntungan selepas cukai (PAT) sebanyak RM38 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

Perolehan syarikat juga mencatat peningkatan sebanyak 15.06 peratus berbanding tahun sebelumnya, RM261.017 juta (2014) di samping perolehan dari operasi lain yang menyumbang tambahan RM11.245 juta pada tahun 2015.

Kos jualan PBAHB bagi 2015 mencecah RM207.119 juta, manakala perbelanjaan pentadbiran, RM60.632 juta.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAHB, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, dengan mengambil kira pendapatan faedah, PBAHB mencatatkan keuntungan sebelum cukai (PBT) berjumlah RM44.770 juta.

"PBAHB turut mencatat perbelanjaan cukai bernilai RM6.770 juta, sekaligus mencatatkan jumlah PAT sebanyak RM38 juta tahun lalu," katanya menerusi sidang media selepas Mesyuarat Agung Tahunan PBAHB ke-16 di sini baru-baru ini.

Jaseni memberitahu, PBAHB turut mengumumkan pembayaran dividen akhir sebanyak RM6.62 juta menjadikan dividen bersih PBAHB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 berjumlah kira-kira 7.5 peratus.

"Ini merupakan tahun ke-13 (2015) berturut-turut PBAHB memberi imbuhan dividen kepada semua pemegang sahamnya," ujarnya.

PBAHB adalah syarikat pegangan awam bagi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) Sdn. Bhd., iaitu operator bekalan air yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bagi menyediakan perkhidmatan air di Pulau Pinang.

Sehingga 31 Disember 2015, sumber perolehan utama Kumpulan Syarikat PBAHB adalah penjualan air kepada 575,474 pengguna air berdaftar di negeri ini.

# P. Pinang kekal rekod tiada catuan air - Jaseni

**GEORGE TOWN** – Pulau Pinang masih mengekalkan rekod tanpa catuan air tahun ini bagi seluruh negeri sungguhpun musim kemarau berlarutan selama lebih lima bulan disebabkan oleh fenomena Super El Nino.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, PBAPP tidak merancang untuk mengenakan catuan selaras dengan prinsip 'tiada catuan air walau apa cara sekalipun' kerana ia mampu mengganggu kelancaran aktiviti domestik mahupun komersial.

"Pelaksanaan protokol kawalan cuaca kemarau yang berkesan dan simpanan air di empangan adalah antara langkah-langkah diambil PBAPP.

"Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan perlulah mengambil langkah-langkah segera bagi mengekang krisis air yang dijangka akan berulang lagi sekiranya dilengah-lengahkan," katanya kepada pemberita sejurus Mesyuarat Agung Tahunan Perbadanan Bekalan Air Holdings Berhad (PBAHB) ke-16 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng merangkap Pengerusi PBAHB, Timbalan Ketua Menteri II yang juga Ahli Lembaga Pengarah PBAHB, Prof. Dr. P. Ramasamy, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan merangkap Ahli Lembaga Pengarah PBAHB, Lim Hock Seng dan Ketua Pegawai Kewangan PBAHB, Dr. Mary Ann Harris.

Jaseni dalam pada itu memberitahu, PBAPP masih mampu memperoleh lebih dari satu bilion liter sehari air mentah dari Sungai Muda, Seberang Perai Utara (SPU) untuk dirawat di Loji Rawatan Air Sungai Dua.

Kapasiti tersebut, jelas beliau, membekalkan lebih dari 80 peratus air terawat bagi Pulau Pinang selain memastikan simpanan air di Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang mencukupi.

"Walaupun terdapat sedikit hujan pada bulan Mei lalu, PBAPP masih di tahap waspada dan terus memantau bekalan air mentah di semua empangan termasuk di Sungai Muda.

"Status waspada ini hanya akan dinyahaktifkan apabila kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang mencapai tahap 60 peratus simpanan dan Empangan Beris serta Empangan Muda (Kedah) berada pada tahap 50 peratus,"ujar Jaseni.

# Jika Pusat lulus TP1M, penduduk tak perlu bayar sesen pun – Exco



JAGDEEP Singh Deo.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BAGAN DALAM –** Penduduk di negeri ini sepatutnya tidak perlu membayar sesen pun untuk projek penarafan di kediaman masing-masing, sekiranya Kerajaan Pusat meluluskan baki 120 lagi permohonan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) ke negeri ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo memberitahu, Perbadanan Pengurusan Lot 3385 Taman Bagan Butterworth sendiri memohon TP1M sebanyak tiga kali, tetap sehingga kini tidak diluluskan.

Susulan itu, katanya, Kerajaan Negeri membiayai 80 peratus kos naik taraf tangki air di sini yang berjumlah RM25,600, manakala baki RM6,400 lagi terpaksa ditanggung oleh penduduk setempat.

"Di bawah TP1M, Kerajaan Pusat menanggung 90 hingga 70 peratus, manakala baki 10 peratus hingga 30 peratus yang sepatutnya ditanggung oleh badan pengurusan bersama (JMB) atau persatuan penduduk (PP), akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri.

"Ertinya, projek seumpama ini percuma dan penduduk tidak perlu keluar apa-apa walau sesen pun jika Kerajaan Pusat meluluskan TP1M untuk projek ganti tangki (yang bernilai keseluruhan) RM32,000 ini, kerana baki 20 peratus (RM6,400) akan dibayar oleh Kerajaan Negeri melalui skim HAPPY (Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang)," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada Majlis Perasmian Siap Projek Naik Taraf Tukar Ganti Tangki Air Lot Lot 3385 Taman Bagan Butterworth 22 Mei lalu.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng yang juga ADUN Bagan Jermal, ADUN Bagan Dalam, A. Tanasekharan dan dua Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Jagdeep memberitahu, peruntukan untuk projek penyelenggaraan rumah flat mampu milik *'Type A'* dan *'Type B'* kini berjumlah RM2.8 juta.

Dan, beliau menyatakan bahawa pihaknya ada merayu kepada pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng supaya menambah lagi jumlah peruntukan itu, selagi Kerajaan Pusat tidak meluluskan baki TP1M dari negeri ini.

Sejak tahun 2012 sehingga kini, Kerajaan Pusat di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru meluluskan 24 TP1M untuk rakyat Malaysia di negeri ini.

Dalam perkembangan lain, Jagdeep memuji Pengerusi Perbadanan Pengurusan Lot 3385 Taman Bagan Butterworth, Tan Choo Beng kerana mengagihkan 100 kampit beras kepada para penduduk yang berjaya melunaskan semua caj penyelenggaraan masing-masing kepada JMB.

Manakala, Tanasekharan pula memohon Kerajaan Negeri supaya mempertimbang syor Choo Beng untuk memajukan sebuah dewan serbaguna yang diperlukan oleh komuniti setempat di sini.

## 30 minit SPRM rakam keterangan Afif bantu siasat kes tanah babit PERDA

**BAGAN DALAM –** Kira-kira 30 minit sesi pertama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merakam keterangan Dr. Afif Bahardin bagi membantu siasatan kes penjualan sebidang tanah membabitkan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), bermula 10.30 pagi.



DR. Afif Bahardin (kanan sekali) ditemani Ong Chin Wen (berkameja putih) ketika tiba di Pejabat SPRM Cawangan Seberang Perai di sini 27 Mei lalu.

Afif, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan ditemani peguam pengiring, Ong Chin Wen yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah.

"Saya ke mari untuk memberikan maklumat kepada SPRM dan fokus saya sekarang adalah untuk membantu siasatan...kerana isu ini melibatkan kepentingan awam.

"Saya harap SPRM boleh menjalankan penyiasatan dengan penuh rapi," katanya yang juga ADUN Seberang Jaya kepada pemberita sebelum masuk ke Pejabat SPRM Cawangan Seberang Perai berhampiran Kampung Jaya di sini pada 27 Mei lalu.

Selepas keluar dari kamar siasatan, Afif bagaimanapun tidak menjelaskan mengenai butiran keterangannya kepada pegawai penyiasat berkenaan.

7 April lalu, Afif membuat aduan berwajib di Kompleks Ibu Pejabat SPRM Negeri Pulau Pinang dekat George Town, susulan suatu keputusan yang dibuat dalam Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri.

PERDA yang dipengerusikan oleh Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Shabudin Yahaya didedah menjual tanah seluas 3.461 hektar yang diambil atas tujuan awam di Kampung Tok Keramat, Sungai Acheh dekat Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) dengan harga serendah RM1.427 juta.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, rakyat seakan-akan rugi kira-kira RM15.2 juta kerana harga pasaran sebenar berdasarkan penilaian duti setem adalah RM16.636.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam turut menyanggah dalih Shabudin kononnya tanah yang disyaratkan membina rumah mampu milik berkaitan adalah 'bermasalah'.

## KM seloroh Najib umum 'Bonus Raya' RM500 pada muka depan Utusan

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam nada berseloroh berkata, pengumuman 'bonus raya' sebanyak 0.75 peratus gaji bulanan dengan minimum RM700 kepada kakitangan Kerajaan Negeri sebelum ini sepatutnya disiarkan dalam akhbar arus perdana.




MUKA hadapan Utusan Malaysia bertarikh 9 Jun 2016 yang memaparkan berita 'bonus raya' diumumkan Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian selepas pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang mengumumkan pemberian 'bonus raya' RM500 untuk semua kakitangan Kerajaan Persekutuan disiarkan pada muka hadapan akhbar Utusan Malaysia bertarikh 9 Jun baru-baru ini.

"Ada berita baik untuk semua kakitangan Kerajaan Persekutuan apabila Perdana Menteri mengumumkan pemberian RM500 untuk semua penjawat awam dan keluar juga dalam muka surat depan Utusan Malaysia.

"Tetapi, apabila Kerajaan Negeri bayar 0.75 bulan gaji, tak keluar langsung.

"Kita bayar (bonus raya) minimum RM700 berbanding Kerajaan Persekutuan bayar RM500," seloroh Guan Eng kepada pemberita pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Tambahnya, 'bonus raya' akan disalurkan kepada semua kakitangan Kerajaan Negeri sebelum Hari Raya Aidilfitri, pada 24 Jun 2016.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti) dan Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan) turut sertai sidang media itu.

# Exco gesa Pusat tunai janji salur dana projek RTB Sg. Pinang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**DATUK KERAMAT** – Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berharap Kerajaan Pusat dapat menyalurkan dana bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang, seperti dijanjikan dalam Rolling Plan Kedua (RP2), Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11).

**Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat berkata, sejak tahun 2008, iaitu di bawah Rancangan Malaysia ke-9 (RMK-9) ketika itu, Kerajaan Pusat menangguhkan penyaluran dana bagi Projek RTB Sungai Pinang yang berjumlah RM150 juta.**

**Kini, beliau memberitahu, di bawah RMK-11, jumlah tersebut telahpun mencecah RM450 juta, iaitu hampir setengah bilion ringgit bagi pelaksanaan empat fasa RTB Sungai Pinang.**

**"Jadi, saya berharap sangat Kerajaan Pusat dapat mempertimbangkannya (penyaluran dana bagi Projek RTB Sungai Pinang) pada RP2 akan datang memandangkan Kerajaan Negeri telahpun menjalankan tanggungjawab penempatan semula penduduk di lembangan Sungai Pinang.**

"Tidak perlu salurkan semua sekaligus dana projek tersebut, sebahagian pun sudah memadai untuk memulakan fasa berikutnya Projek RTB Sungai Pinang bagi membantu penduduk setempat," katanya yang bimbang dengan situasi banjir yang bakal dihadapi penduduk terutamanya di kawasan-kawasan penempatan yang rendah (kedudukan topografi).

Beliau berkata demikian ketika hadir menyampaikan sumbangan berjumlah RM10,000 kepada Madrasah Daud al-Islamiah di Kampung Dodol dekat sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Persatuan Penduduk Kampung Dodol, Meerasa Mastan serta wakil-wakil Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Dodol.

Mengulas lanjut, Jagdeep menyatakan bahawa penduduk di Kampung Dodol terutamanya telah lama menunggu projek yang bukan sahaja bakal mengurangkan kejadian banjir, malah masalah banjir kilat yang sering dihadapi setiap kali musim hujan.



JAGDEEP Singh Deo (tengah, berkemeja putih) menyerahkan cek sumbangan RM10,000 kepada Meerasa Mastan (berkemeja hijau) di Madrasah Daud al-Islamiah, Kampung Dodol di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan lain, Jagdeep berkata, beliau berhasrat untuk mewujudkan lebih banyak kelas-kelas perbincangan bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) di kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Datuk Keramat.

"Saya amat menggalakkan aktiviti sebegini diwujudkan di kawasan saya memandangkan ia dapat membantu pelajar menelaah pelajaran secara berkumpulan di samping mendapat bimbingan daripada guru-guru yang sudi memberi tunjuk ajar," ujarnya.

Sumbangan tersebut adalah bagi menampung aktiviti P&P 128 murid dan pelajar dari Tahun 4 hingga Tingkatan 5.

## Insiden tumpahan minyak selesai, harap jangan sensasikan isu

**GEORGE TOWN** – Insiden tumpahan minyak yang mencemari pesisir pantai sejauh 12 kilometer (km) dari Prai Bulk Cargo Terminal (PBCT), Pelabuhan Prai sehingga ke Tanjung Bunga selesai.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, operasi pembersihan tumpahan minyak secara rasminya selesai selepas pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi operasi tersebut berjaya membendung dan membersihkan ia.

"Saya amat berpuas hati dengan usaha dan tindakan pantas pihak berkuasa termasuk Jabatan Laut Wilayah Utara, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS)," katanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Penang Amazing Race anjuran bersama *Penang Convention & Exhibition Bureau* (PCEB) dan Goche Corporation Sdn. Bhd. (Goche) di Fort Cornwallis, 30 Mei lalu.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng, Ketua Pegawai Eksekutif PCEB, G. Ashwin dan Ketua Pegawai Eksekutif Goche, Eugene Goh.

Menurut laporan APMM, JAS menerima makluman berhubung insiden tumpahan minyak pada jam 8.05 pagi, 28 Mei lalu dipercayai berpunca dari sebuah kapal tangki minyak yang berlabuh di Perlabuhan Prai.

Kata laporan itu lagi, dalam tempoh 24 jam selepas insiden yang dianggap sebagai 'krisis' pencemaran laut itu, tumpahan minyak dapat dikawal dan dibersihkan sepenuhnya menggunakan aset pesawat udara dan bot Jabatan Laut Wilayah Utara dan APMM.

Guan Eng dalam pada itu berharap agar pihak media tidak lagi mensensasikan insiden tersebut dengan mendakwa ia berpunca dari kerja-kerja penambakan laut.

"Ia (tumpahan minyak) telah selesai dan kapal tersebut juga dikesan untuk siasatan lanjut JAS dan pihak berkaitan," katanya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

## Suoq Ramadan beri impak ekonomi positif kepada peniaga

**PANTAI JEREJAK** – Bagaikan tidak lengkap bulan Ramadan sekiranya tidak berkunjung ke bazar yang menyajikan aneka juadah untuk berbuka puasa.

Di perkarangan Masjid Umar Ibnu Al-Khattab, Bayan Baru, sejumlah 104 lot niaga mendaftar menyertai Souq Ramadan 2016 anjuran Kerajaan Negeri di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Exconya, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, selain penjualan juadah berbuka puasa, penganjuran Suoq Ramadan kali ini adalah lebih meriah dengan penyertaan pelbagai latar belakang perniagaan.

"Antaranya, melalui kategori jualan dan promosi barangan serta perkhidmatan sempena Hari Raya Aidilfitri, kategori perabot dan aksesori, kategori bazar dan kategori ibadah yang merangkumi solat tarawih, tazkirah serta program bersama Imam jemputan," ujarnya ketika ditemui pada Majlis Perasmian Suoq Ramadan 2016 di sini baru-baru ini.

Perasmian disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa & Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Ghazali Derahman dan Mufti Pulau Pinang, Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor.

**Menurut Abdul Malik, kali pertama Kerajaan Negeri menganjurkan Suoq Ramadan adalah pada tahun 2011 dengan 24 penyertaan sahaja.**



ABDUL Malik Abul Kassim (dua dari kanan) dan Mohd. Rashid Hasnon (dua dari kiri) bersama-sama ADUN Sungai Bakap, Dato' Maktar Shapee (kanan sekali) dan PPK Bertam, Asrol Sani Abdul Razak memperagakan apron yang diedarkan kepada peniaga di bazar-bazar Ramadan seluruh Pulau Pinang.

**"Namun, sejak itu, penyertaan semakin bertambah dan ini membuka peluang kepada peniaga-peniaga kecil sekaligus memberi impak ekonomi yang positif kepada mereka (peserta suoq)**," katanya.

Uniknya, aktiviti yang dianjurkan secara tahunan tersebut turut dijalankan serentak dengan Program Ehya Ramadan, iaitu penyampaian insentif Kerajaan Negeri kepada 224 masjid dan surau Jumaat bagi seluruh Pulau Pinang melibatkan jumlah sumbangan sebanyak RM233,000.

Dalam majlis berasingan, Abdul Malik turut menyerahkan sejumlah 4,161 apron untuk diedarkan kepada peniaga-peniaga bazar Ramadan yang berdaftar dengan pihak-pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri ini.

Pengedaran apron dibuat melalui ADUN dan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) membabitkan 1,331 peniaga di daerah Timur Laut dan Barat Daya, daerah Seberang Perai Utara, SPU (1,061), Seberang Perai Tengah, SPT (1,459) dan Seberang Perai Selatan, SPS (310).

# Penguatkuasaan Ramadan, 50 lokasi 'panas' dikenal pasti



ABDUL Malik Abul Kassim.

**GEORGE TOWN –** Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) telah mengenalpasti hampir 50 lokasi panas bagi 'kaki ponteng' puasa di seluruh Pulau Pinang.

Ia termasuk medan selera, kafe siber, pusat snuker, pusat hiburan keluarga serta padang-padang permainan.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dalam satu kenyataan media memaklumkan bahawa pada tahun 2015, seramai 154 'kaki ponteng' puasa telah dikenakan tindakan kerana tidak menghormati bulan Ramadan.

**"Mereka yang didapati ponteng puasa akan diambil tindakan di bawah Seksyen 16, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang 1996 iaitu didenda sehingga RM1,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya,"** katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Enakmen berkaitan memperuntukkan mana-mana orang yang pada waktu berpuasa dalam bulan Ramadan:

a) menjual kepada mana-mana orang Islam apa-apa makanan, minuman, rokok atau benda lain yang seumpamanya untuk dimakan, diminum atau dihisap serta-merta dalam itu

b) secara terbuka atau tempat awam didapati makan, minum atau menghisap rokok atau benda lain seumpamanya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda atau dipenjarakan.

Manakala bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya boleh didenda tidak melebihi RM2,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi satu tahu atau kedua-duanya.

Bagi memastikan bulan Ramadan dihormati, JHEAIPP akan turut mengadakan operasi bersepadu menggempur serta mensasarkan kesalahan lain seperti berkhalwat (Seksyen 27), melakukan perbuatan tidak sopan di tempat awam (Seksyen 29), minum minuman memabukkan (Seksyen 19), maksiat (Seksyen 35) dan berjudi (Seksyen 18).

Di samping itu, orang ramai yang ingin membantu JHEAIPP boleh membuat aduan di hotline, **Penguatkuasa Agama** iaitu **019 - 425 6917** atau **013 -441 9300.**

# Lantikan ahli PTC kuatkuasa serta-merta

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyeru agar Ahli-ahli Majlis Pengangkutan Negeri Pulau Pinang (Penang Transport Council, PTC) dilantik dapat melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan penuh tanggungjawab.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Upacara Penyerahan Sijil Pelantikan Ahli Majlis PTC di Dewan Masyarakat Penyayang di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengerusi PTC yang juga Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Menurut Guan Eng, selain memantau, meneliti dan mengkoordinasi projek-projek pengangkutan awam di Pulau Pinang, ahli-ahli PTC turut berperanan mengemukakan cadangan konsep bagi pelaksanaan projek-projek berkaitan.

"Mereka (ahli-ahli PTC) yang dilantik secara sah layak memberi pandangan mahupun cadangan yang bernas berdasarkan fakta kepada jawatankuasa PTC.

"Ia merupakan penambahbaikan fungsi-fungsi PTC dalam menangani masalah kesesakan lalulintas di negeri ini melibatkan tiga cabaran utama iaitu kebersihan (*cleanliness*), kesesakan lalu lintas (*congestion*) dan keselamatan awam (*crime*) atau 3Cs," ujarnya yang berharap lantikan tersebut dapat membantu Kerajaan Negeri dalam perancangan pelaksanaan projek-projek di bawah Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Pulau Pinang dan pembinaan jaringan lebuh raya serta terowong dasar laut.

Guan Eng yang juga Penaung PTC memberitahu bahawa Kerajaan Negeri memandang serius isu kesesakan lalulintas dan sistem pengangkutan awam di negeri ini.

"Sejak penubuhan PTC pada tahun 2009 lagi, Kerajaan Negeri sentiasa memastikan isu tersebut dapat dibendung.

"Masalah kebersihan dan keselamatan awam kini mula diatasi apabila Pulau Pinang menjadi lebih bersih dan mencatat pengurangan kadar jenayah antara tertinggi di Malaysia.

"Namun, masalah kesesakan lalulintas masih menjadi cabaran terbesar," jelasnya.

Sebagai rekod, berdasarkan senarai ahli-ahli PTC, seramai 18 orang ahli merupakan ahli lama, manakala 36 nama merupakan ahli baru dilantik, menjadikan jumlah keseluruhan 54 orang.

Kon Yeow ketika ditemui memberitahu bahawa beliau dimaklumkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas dari Barisan Nasional (BN), Nordin Ahmad menolak lantikan tersebut.

Manakala, ADUN Teluk Air Tawar yang juga merupakan Ketua Pembangkang Negeri, Datuk Jahara Hamid dan ADUN Teluk Bahang, Datuk Shah Headan Ayoob Hussain Shah masih mempertimbangkan lantikan tersebut.

Lantikan ahli-ahli PTC berkuatkuasa serta-merta sehingga 30 September 2017.

# Keluarga mangsa kebakaran terima sumbangan, berbuka bersama KM



**KETUA Menteri menghidangkan sajian nasi arab kepada ahli keluarga Bakthiar Md. Din sebagai juadah berbuka puasa di sini baru-baru ini.**

**TANDA INGATAN...** Prihatin dengan nasib dua keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran di Bukit Mertajam baru-baru ini, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengambil inisiatif khas menyampaikan sumbangan daripada peruntukan peribadi beliau berjumlah RM1,000 kepada mereka.

Pada masa sama, keluarga mangsa, Bakthiar Md. Din, 82, turut dijemput berbuka puasa di sebuah restoran yang menyediakan sajian khas berupa nasi arab.

Anak kedua mangsa, Sabri Bakthiar, 42, mengucapkan terima kasih kepada Ketua Menteri kerana sanggup meluangkan masa menziarahi serta berbuka puasa bersama-sama keluarga mereka.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong.



# RUU *close farming* khinzir, Exco bakal kemuka sesi DUN kelak

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PERMATANG BERANGAN –** Suatu rang undang-undang (RUU) bagi pelaksanaan peladangan ternak babi secara tertutup (*close farming*) akan dikemukakan dalam sesi persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pada hujung tahun ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata demikian selepas melawat kawasan Sungai Kereh dekat Air Melintas Besar yang dipercayai tercemar dek penternakan babi di Kampung Selamat di sini baru-baru ini.

Jelas Afif, *close farming* penting memandangkan Pulau Pinang adalah negeri pengeksport babi dalam jumlah kira-kira 300,000 ekor setahun.

Justeru, beliau berharap Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) selaku tuan tanah beberapa ladang ternak babi berwajib dapat saling bekerjasama dengan Kerajaan Negeri demi merealisasikan pelaksanaan *close farming* berkaitan.

"Sebelum ini, kawasan penternakan di sini mempunyai perancangan di bawah Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Tasek Gelugor yang dibawa oleh Kerajaan Pusat, tetapi ia ditarik balik.

"Saya berharap PERDA selaku tuan tanah ladang-ladang berwajib dapat saling bekerjasama dengan Kerajaan Negeri," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Turut serta, Pegawai Vetarinar Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Mior Amri Md. Noor, Ahmad Tarmizi Abdullah (Ahli Majlis bagi MPSP), Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Permatang Berangan, Ustaz Fahmi Abu Bakar dan Muhasdey Muhammad (PPK Pinang Tunggal).

Menurut Afif, sebelum ini, pihaknya telah mengadakan pertemuan dengan lebih 150 penternak babi terbabit, bagi menjelaskan mengenai hasrat pelaksanaan *close farming*.



DR. Afif Bahardin (dua dari kiri) meneliti beberapa keratan akhbar hasil simpanan Abdul Rahim Daud (tengah) mengenai isu berbangkit pada lawatan ke Sungai Kereh di sini baru-baru ini.

Difahamkan, di negeri ini terdapat sebanyak 77 ladang ternak babi di Kampung Selamat, Valdor dekat Sungai Bakap (50), selain beberapa lagi ladang di Gertak Sanggul dan Teluk Kumbar.

*Close farming* atau perladangan tertutup akan dilaksanakan demi menangani pencemaran udara dan bau di kawasan penternakan babi di negeri ini.

Penduduk Kampung Air Melintas Kecil di kawasan berhampiran, Abdul Rahim Daud, 73, yang ditemui memberitahu bahawa penduduk tempatan sejak 20 tahun lalu berdepan masalah bau busuk sepanjang dua kilometer di Sungai Kereh.

Akibatnya, kata Abdul Rahim, ada penduduk di sini mengalami batuk berterusan, sesak nafas dan alahan kulit




TAMAN BAYU AMAN
TELUK AIR TAWAR, BUTTERWORTH

5% Diskaun untuk Bumiputra Hakmilik Kekal

RumahTeres 3 Tingkat (Jumlah 86 unit)

KeluasanTanah : 133m2 (min) 292m2 (mak)
Keluasan Binaan : 267m2 (min) 267m2 (mak)
Harga Jualan : RM 558,800.00 (min) RM 863,910.00 (mak )

*Pembeli-pembeli Bumiputra yang berminat sila hubungi*
Bahagian Perumahan,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Paras 20, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang
Tel:04-6505 242/6505 244 • Fax:04-2622 904

Pemaju
WELCOME PROPERTIES SDN. BHD. (Co 757934-M)
Lot 10131, Jalan Lembah Permai 4, Taman Lembah Permai 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang
Tel: 04-506 2813 Fax: 04-506 2183

No. Lesen Pemaju 10769-1/06-2017/01782(L) • Tempoh Sah 03/06/2016 hingga 02/06/2017
No. Permit Iklan dan Jualan 10769-1/06-2017/01782(P) • Tempoh Sah 03/06/2016 hingga 02/06/2017
Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan Majlis Perbandaran Seberang Perai
No. Kelulusan Pelan Bangunan MPSP / 40 / 20 - 07/14
Pegangan Tanah Hakmilik Kekal Tarikh Dijangka Siap Disember 2018

# Sumbangan penghargaan pemandu teksi tetap diteruskan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA –** **Kerajaan Negeri hari ini memperuntukkan RM4,662,900 sejak Insentif Perkhidmatan Kepada Pemandu Teksi diperkenalkan pada tahun 2013.**

Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, sumbangan kali kelapan ini sebanyak RM718,800 kepada 1,786 pemandu bahagian pulau dan Seberang Perai (610).

"Tiada negeri lain di Malaysia selain Pulau Pinang yang menyediakan bayaran insentif sebanyak RM600 setahun yang dibayar dua kali dalam setahun kepada semua pemandu teksi dan kereta sewa yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri hari ini.

"Insentif ini kerana perkhidmatan terbaik anda kepada penumpang tanpa mengira bangsa, agama mahupun latar belakang politik.

"Selagi Kerajaan Pakatan Harapan memerintah (Pulau Pinang), kita akan meneruskan pemberian ini sebagai penghargaan kepada sumbangan ini," katanya pada Majlis Pemberian Insentif Kepada Pemandu Teksi Dan Kereta Sewa Peringkat Seberang Perai di SP Arena di sini baru-baru ini.

"Tiada negeri lain di Malaysia selain Pulau Pinang yang menyediakan bayaran insentif sebanyak RM600 setahun yang dibayar dua kali dalam setahun kepada semua pemandu teksi dan kereta sewa yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri hari ini.
"Insentif ini kerana perkhidmatan terbaik anda kepada penumpang tanpa mengira bangsa, agama mahupun latar belakang politik.
"Selagi Kerajaan Pakatan Harapan (Pulau Pinang), kita akan meneruskan pemberian ini sebagai penghargaan kepada sumbangan ini," LIM GUAN ENG.



ABD. Malik Darus.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dalam ucapannya sebelum itu mengesyor Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah sebagaimana Kerajaan Negeri dengan memberi insentif berkaitan.

"Insentif ini sangat wajar kerana para pemandu teksi bagaikan duta kecil kita (Kerajaan), kerana merekalah yang paling awal menyambut pelancong asing sama ada di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang mahupun di terminal-terminal bas.

"Jangan memberi insentif berupa tayar umpama menjelang musim pilihan raya umum, tetapi beri insentif seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, tiap-tiap tahun, sama ada ketika musim pilihan raya atau tidak," ujar beliau.

Manakala, Pengerusi Gabungan Persatuan Pemandu Teksi Pulau Pinang (Gabungan), Abd. Malik Darus ketika berucap menggesa Kerajaan Pusat melindungi kepentingan pemandu teksi yang terjejas pendapatan akibat kewujudan Uber, perkhidmatan kereta sewa tempahan atas talian.



**BEBERAPA penerima insentif peringkat Seberang Perai menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri hari ini atas insentif yang diterima.**

"Begitu senang Uber ini beroperasi tanpa perlu bayar permit teksi dan lain-lain seperti kita, sedangkan kita ikut semua peraturan sebab nak cari makan dengan pandu teksi ini.

"Saya tahu isu Uber ini di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri jika nak bantu, sebab itu kami daripada Gabungan ini menggesa Kerajaan Pusat supaya segera tangani isu Uber, yang nyata menjejaskan pendapatan para pemandu teksi di negeri ini," tegasnya disambut sorakan tanda sokongan daripada mereka yang hadir.

Pada sidang media selepas itu, Abd. Malik memberitahu bahawa pihaknya pada awal bulan April lalu telahpun menyatakan aduan bertulis mengenai operasi Uber kepada agensi persekutuan, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Dalam aduan itu, katanya, disebut kesan baik buruk pada operasi Uber ke atas para pemandu teksi, jika tiada tindakan lanjut daripada pihak berkuasa berwajib.

"Aplikasi atas talian MyTeksi sendirinya ada, tetapi masalah mereka tidak guna perkhidmatan teksi sedia ada di Pulau Pinang kerana adanya Uber ini," jelas beliau kepada pemberita.

Sehari sebelum itu, Guan Eng turut menyampaikan pemberian insentif serupa pada majlis berasingan peringkat Bahagian Pulau di Dewan Sri Pinang dekat Padang Kota.



Straits Garden
Pangsapuri

| Pangsapuri | | |
|---|---|---|
| Keluasan Binaan | : | 1199kp (min) - 1432kp (max) |
| Harga Jualan | : | RM592,500 (min) - RM705,000 (max) |

No. Lesen Pemaju: 12142-2/02-2018/201
No. Permit Iklan & Jualan: 12142-2/02-2017/0933(P)
Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan: MPPP
No. Rujukan Pelan Bangunan: MPPP/OSC/PB(4687)/12
Tarikh Pemajuan Perumahan Dijangka Siap: Mei 2016
Jenis Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal
Bilangan Unit: 91 unit

Tempoh Sah: 20/2/13-19/2/18
Tempoh Sah :21/2/16-20/2/17

Bebanan Tanah: Tiada
Sekatan Kepentingan: Tiada

PREMCOURT DEVELOPMENT SDN. BHD.(891354-D)
12-01, Penthouse, Wisma Pantai,
Jalan Wisma Pantai, Kampung Gajah,
12200 Butterworth. Pulau Pinang.
Tel: 04 324 0088 Fax: 04-324 0090
Email: tilb@tambunindah.com

5% DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA
PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN DIPEROLEHI

# RM40,000 lancar *mymat* demi cegah denggi dan zika – Exco

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Perangkap nyamuk *mymat* yang dilancarkan Kerajaan Negeri baru-baru ini adalah demi mengurangkan lagi proses pembiakan serangga itu serta mencegah penularan wabak denggi dan virus zika.

**Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, kira-kira RM40,000 dibelanjakan untuk pemulaan projek mymat itu.**

**"Kita (Kerajaan Negeri) memilih tiga lokaliti di Pulau Pinang untuk mengkaji keberkesanan mymat dalam mengawal penularan kes denggi dan virus zika yang dibimbangi akan menyerang ketika musim hujan sekarang.**

**"Tiga lokaliti yang dipilih setakat ini adalah Seberang Jaya, Bayan Baru dan Batu Lanchang yang mana kita akan agihkan sebanyak 4,000 unit mymat sebagai permulaan untuk dikaji keberkesanannya,"** katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada Majlis Perasmian Program Derma Darah Pra Ramadan di sini baru-baru ini.

Program tersebut adalah anjuran Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bersama-sama Persatuan Bekas Pelajar MRSM (ANSARA) dan Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK).

Hadir sama, Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar.

Dalam perkembangan lain, Afif turut menafikan dakwaan pihak tertentu yang menyebut inisiatif Kerajaan Negeri memasang 10 unit *Automated External Defibrilator* atau AED (alat rawatan kecemasan serangan jantung) di kawasan umum sebelum ini hanya untuk kegunaan anggota paramedik semata-mata.

"Kita juga anjurkan kursus penggunaan AED untuk orang ramai, anggota polis dan bomba pada April lalu yang melibatkan hampir 3,000 peserta.

"Caranya amat mudah dan lebih senang berbanding memandu kereta, jadi ianya mampu dikendalikan oleh orang biasa dalam menangani serangan jantung mengejut," jelasnya.

Lagipun, Afif memberitahu, ADUN Pembangkang dari Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Dua, Muhamad Yusoff Mohd. Noor pada sesi persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang lalu turut menyokong pemasangan AED, bahkan meminta Kerajaan Negeri supaya memperluaskan penggunaan alat peranti itu sebagaimana di negara-negara maju.



**DR. Afif Bahardin (kanan sekali) dan Rosli Jaafar (dua dari kiri) menyantuni salah seorang kakitangan awam pada Majlis Perasmian Program Derma Darah Pra Ramadan di Komtar baru-baru ini.**

Sementara itu, sempena bulan Ramadan, Rosli dalam kenyataannya memberitahu bahawa penganjur menyasarkan sebanyak 500 *pint* (paket darah) untuk dua program yang dilangsungkan di Komtar pada 25 hingga 25 Mei, serta di AEON Mall Bukit Mertajam pada 4 Jun lalu.

"Darah-darah ini akan disumbangkan kepada tabung-tabung darah hospital sekitar negeri ini," ujar beliau.





PEMANDANGAN YANG INDAH DAN MEMUKAUKAN

Setia Pinnacle
your living eden

Jenis
**Kondominium**

Kawasan Binaan
**1,095 kps - 1.515 kps**

Jumlah Unit
**434 unit**

- Kediaman pegangan bebas
- Berdekatan dengan pelbagai kemudahan yang tersedia ada
- Berdekatan dengan Jabatan Pulau Pinang "2nd Link" dan Penang International Airport
- Pemandangan bukit dan latar langit yang indah
- Kediaman yang diktiraf dengan sijil GBI (Green Building Index)


Kolam infiniti


Jakuzi

6412255

# Gaji bomba wajar dinaikkan

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute**

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

**PADA** sidang Parlimen yang lalu, saya telah mencadangkan penyelarasan skala gaji pegawai bomba dengan pegawai polis, memandangkan pasukan bomba – sebagaimana pasukan polis – kerap terdedah kepada risiko tinggi dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab mereka.

Namun demikian, jawapan yang diberikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Azalina Othman Said pada 14 Mac yang lalu menyatakan bahawa kerajaan tidak setuju dengan cadangan ini.

Menurut Dato' Sri Azalina, "kerajaan telah memutuskan bahawa gaji pegawai dalam Perkhidmatan Polis dan Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia hendaklah lebih tinggi daripada pegawai Perkhidmatan Awam Am."

Justeru, "walaupun pegawai bomba diklasifikasikan sebagai jawatan beruniform, namun perkhidmatan tersebut termasuk dalam Perkhidmatan Awam Am.... Oleh yang demikian, dengan mengambil kira prinsip-prinsip yang berkuat kuasa serta skop fungsi tugas yang berbeza, skala gaji pegawai bomba tidak boleh diselaraskan dengan gaji pegawai polis."

**Syarat kelayakan hampir sama tetapi gaji berbeza**

Semakan dengan laman web rasmi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) mendapati bahawa gaji permulaan bagi konstabel polis gred YA1 ialah RM1,014 dengan kadar kenaikan gaji RM100 setahun, manakala gaji permulaan bagi pegawai bomba gred KB17 ialah RM936 dengan kadar kenaikan gaji RM95 setahun.

Malah, gaji permulaan pegawai bomba yang amat rendah ini adalah kurang daripada paras gaji minima kebangsaan yang bakal berkuatkuasa pada 1 Julai tahun ini, iaitu RM1,000 untuk Semenanjung Malaysia.

Tambahan kepada itu, perbezaan di antara gaji pokok jawatan aras permulaan (entry-level) bomba dan polis ini adalah sebanyak RM936 setahun tanpa mengira kenaikan gaji, walaupun kedua-duanya mempunyai syarat-syarat kelayakan yang tidak jauh berbeza.

**Semakan semula gaji diperlukan**

Saya percaya tiada sesiapa pun akan menafikan bahawa tuntutan tugas anggota bomba sangat mencabar dan berisiko tinggi. Malah, sebagaimana yang kita maklum, pasukan bomba bukan hanya terhad kepada kerja-kerja memadam kebakaran yang secara sendirinya sedia berisiko tinggi, tetapi mereka juga terlibat dalam usaha mencari dan menyelamat (search and rescue). Adalah sukar untuk membayangkan bagaimana kita mampu berdepan dengan bencana-bencana seperti tanah runtuh, kebakaran hutan, banjir besar yang melanda saban tahun dan segala musibah lain tanpa kehadiran pasukan bomba.

Di samping itu juga, pasukan bomba juga sentiasa dikerah dalam apa juga keadaan, termasuk menebang pokok tumbang, menangkap ular hinggalah menyiram air ke atas kanak-kanak sebelum berkhatan. Pendek kata, pasukan bomba mempunyai peranan yang besar dan erat dalam masyarakat serta melangkaui isu-isu kecemasan atau bencana.

Maka, atas pertimbangan ini, saya merasakan adalah perlu untuk skala gaji pasukan bomba ini disemak semula. Mereka seharusnya diangkat sama tinggi kedudukannya dengan pasukan keselamatan lain seperti Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia.


ZAIRIL Khir Johari (tengah) bergambar kenangan dengan artis kelahiran Pulau Pinang, Imuda pada pameran solo beliau di Balai Seni Lukis Negeri.

Setidaknya, pasukan bomba berhak untuk menerima semakan gaji permulaan yang terlalu rendah. Adalah sungguh tidak munasabah bahawa wirawan-wirawan negara yang berbakti tidak mengira siang dan malam atau hujan dan panas ini dibayar dengan nilai di bawah paras gaji minima kebangsaan.

Semakan skala gaji pasukan bomba juga sudah tentu akan menjadikan kerjaya ini lebih menarik kepada generasi muda dan pada masa yang sama membantu pasukan bomba memantapkan keanggotaan pasukan mereka. Oleh itu, saya ingin menggesa kerajaan agar menyemak semula skala gaji pasukan bomba agar lebih mencerminkan sumbangan dan pengorbanan mereka kepada kita semua



MERAIKAN Hari Bulan Sabit Merah Sedunia bersama-sama PBSM cawangan Pulau Pinang.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Dahalan Fazil<br>dlan6658@gmail.com | 019 - 727 4388 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolpkb@gmail.com | 013 - 580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>muhasdey@gmail.com | 019 - 437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Fahmi Abu Bakar<br>mudiram@gmail.com | 013 - 488 1601 |
| **SUNGAI DUA**<br>Rosli Hassan<br>rosli1971@yahoo.com | 019 - 410 5990 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Mustafa Kamal Ahmad<br>mustafakamalmkba@gmail.com | 019 - 556 9552 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012 - 594 1515 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | 017 - 594 1976 |
| **PULAU BETONG**<br>Mohd Tuah Ismail<br>mtuah17@gmail.com | 019 - 570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017 - 460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637<br>04-263 7000 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | 010 - 542 9158 | Mohd. Zaki Ismail |
| N2 | Bertam | 012 - 466 9681 | Fatimah Bakar |
| N3 | Pinang Tunggal | 017 - 424 9371 | Tasrin Tugemin |
| N4 | Permatang Berangan | 019 - 556 4664 | R. M Reza |
| N5 | Sungai Dua | 013 - 417 3068 | Siti Zunnurain Zulkafli |
| N6 | Telok Air Tawar | 016 - 463 3866 | Malik Bakar |
| N7 | Sungai Puyu | 012 - 480 5495 | Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | 013 - 449 0366 | Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | 016 - 473 1963 | Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | 04 - 390 5109 | Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | Kamal<br>Rosli |
| N12 | Penanti | 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | Tira |
| N13 | Berapit | 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | Mr.Lim<br>Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | Andrew Chin<br>Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | Chan<br>Lai |
| N16 | Perai | 04 - 399 6689 | Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | 013 - 518 8735 | Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | G.Dumany<br>Khor |
| N19 | Jawi | 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | Abdul Halim<br>Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | Norjuliana<br>Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | 0111-508 0215 | Siti Hajar Abdul Aziz |
| N22 | Tanjong Bungah | 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | Tina<br>Hezreen |
| N23 | Air Putih | 04 - 829 0614 | Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | 012 - 493 3342 | Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | 017 - 956 3237 | Quah |
| N26 | Padang Kota | 012 - 431 7015 | Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | 012 - 401 1522 | Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | 012 - 423 3227<br>010 - 811 7300 | Benji Ang<br>Razin |
| N29 | Datok Keramat | 04 - 226 2464 | Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | 04 - 282 6630 | Shuen |
| N31 | Batu Lancang | 04 - 282 6419 | Karuna |
| N32 | Seri Delima | 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | Anne<br>Janet |
| N34 | Paya Terubong | 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | Toon Hoon Lee<br>Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | Jalal<br>Khairul<br>Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | 04 - 646 4700 | Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | Amirulzaman<br>Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | 010 - 773 2395 | Firdaus |
| N39 | Pulau Betong | 016 - 407 2135 | Zulkiflee Ahmad |
| N40 | Telok Bahang | 017 - 413 5695 | Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2016

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Kumar a/l Kanapathy | 04 - 323 8757<br>016 - 407 6058 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani | 019 - 411 8343 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tan Chong Hee | 019 - 411 5598 |
| Zulkifli Ibrahim | 012 - 477 5588 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Goh Choon Aik | 04-588 3045<br>019 457 3222 |
| Alias Wan Chek | 019 - 540 4553 |
| Ong Jing Cheng | 016 - 445 5709<br>012 - 758 3779 |
| Anuar Yusoff | 04 - 507 5390<br>016 - 4616 390 |
| Amar Pritpal Abdullah | 04 - 582 2020<br>019 - 452 2020 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |
| Muhamad Suzuki Ahmad | 012 - 465 4419 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 508 0039 (Tel)<br>04 - 657 0918 (Fax) |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Ahmad Tarmizi Abdullah | 013 - 414 4822 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam | 019 - 457 2271 |
| 5. | R. Gunalan | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 011 - 2666 9091 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2016

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Teoh Koon Gee | 016 - 419 1938 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Kala a/p Durai Raj | 016 - 468 4247 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019- 225 6502 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Kumaresan a/l Aramugam | 014 - 945 9621 |
| Felix Ooi Keat Hin | 016 - 417 1331 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Shahul Hameed M.K. Mohamed Ishack | 017 - 473 0194 |
| Ahmad Razaaim bin Azimi | 012 - 572 4711<br>016 - 451 9225 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Saiful Azwan Abd Malik | 016 - 463 2787 |
| Dr. Lim Mah Hui | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat | 016 - 414 3428 |
| Gan Ay Ling | 012 - 401 2265 |
| Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 012 - 472 8114 |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Julai 2016




**6hb - 7hb**
**Hari Raya Aidlifitri**

**7hb**
Hari Tapak Warisan Dunia
**UNESCO**





## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA DAUD

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

# 30% kuota Bumiputera mampu dijual jika bank longgar syarat mohon pinjaman perumahan - KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BUKIT TAMBUN –** Fasa pertama pemajuan 520 unit rumah mampu milik (RMM) pelbagai kategori di atas sebidang tanah berkeluasan 6.4 ekar dekat Suria 1 Taman Cassia akan membawa Nilai Pembangunan Kasar (GDV) berjumlah RM8.9 juta.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap, 30 peratus kuota Bumiputera untuk membeli rumah kos rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR) mampu dijual kepada mereka yang layak, jika bank melonggarkan syarat memohon pinjaman berwajib.

"Kadar penolakan tinggi untuk pinjaman telah menyebabkan pembelian rumah yang rendah, walaupun kos harga rumah adalah rendah, bukan sahaja di Pulau Pinang, malah di negeri-negeri lain.

"Melihatkan pada (kadar penolakan) pinjaman bank, kita (Kerajaan Negeri) pun menjadi risau," katanya pada Majlis Menandatangani Perjanjian Jual Beli Suria 1, Hijau Komuniti Bandar Cassia dekat Batu Kawan di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee, P. Kasthuriraani (Ahli Parlimen Batu Kawan) dan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar turut hadir pada majlis yang berlangsung di Galeri Jualan PDC itu.

Dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng turut menyanggah dakwaan pembangkang Pulau Pinang yang mendakwa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) hari ini sejak tahun 2008 langsung tidak membina RMM yang sangat diperlukan oleh rakyat di negeri ini.

**"Kerajaan Pusat pun tidak boleh membina rumah, tetapi dibina melalui Syarikat Perumahan Awam Negara (SPAN).**

**"Menggunakan formula sama, Kerajaan Negeri hari ini pun tidak membina rumah, tetapi dibina melalui PDC,"** jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap ADUN Air Putih.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam memberitahu, keseluruhan tanah seluas 200 ekar tanah di sini akan dibina 11,800 unit RMM.

Keseluruhan projek itu, tambahnya, akan dibiayai oleh dana RM500 juta Tabung Perumahan Mampu Milik yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri hari ini.

Difahamkan, rancangan pemajuan fasa pertama Suria 1 dekat Bandar Cassia di sini terdiri oleh 149 unit KSR berkeluasan lantai 800 kaki persegi dengan harga RM72,500; 98 KSR Jenis B 900 kaki persegi (RM168,000); 273 KSR Jenis A 1,000 kaki persegi (RM220,000).

"Di Pulau Pinang, ada rumah kos rendah yang lebih murah, semurah RM220,000 hanya di Seberang Perai.

"Kita (Kerajaan Negeri) harap Kerajaan Pusat melalui PR1MA (Perumahan Rakyat 1Malaysia) boleh turun (siling) harga rumah mampu milik seperti di Pulau Pinang pada harga RM300,000," ujarnya kepada pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.



MODEL unit rumah Taman Cassia, Batu Kawan.



YUSNIZA Yatim dan anaknya.



TAN Kooi Pin.



CIK Lew.

**YUSNIZA YATIM, 35,** pembeli rumah KSR berkeluasan lantai 800 kaki persegi yang ditemui kemudian mengaku bahawa pinjaman perumahan yang beliau mohon mudah diproses oleh bank.

"Saya tiada halangan, permohonan pinjaman saya pun cepat diproses, mungkin kerana saya tiada masalah kewangan,

"Gembira kerana ini rumah pertama selepas saya tunggu permohonan saya kira-kira dua tahun," jelasnya ditemani anak, Adinda Balqis Khairul Anuar, 11.

Bagi **TAN KOOI PIN, 25,** Kerajaan Negeri serta pihak bank wajar saling berkomunikasi untuk membantu golongan muda memiliki rumah idaman mereka sendiri.

"Bukan perkara senang untuk golongan muda memiliki rumah sendiri sekarang... terima kasih kepada Ketua Menteri kerana memberikan peluang ini," katanya.

Nada yang sama turut dikongsi oleh seorang pensyarah berusia 40-an, yang hanya mahu dikenali sebagai **CIK LEW**.

"Projek perumahan mampu milik merupakan projek yang memanfaatkan.

"Golongan profesional sekarang bukan mampu untuk membeli rumah sendiri, apatah lagi golongan orang muda," jelas beliau.

Manakala, **R. YOGA,** 30-an, serta seorang pembeli rumah lain, **P. YUGES,** (28), masing-masing menganggap bahawa pemajuan projek perumahan Cassia 1 di sini adalah di kedudukan yang strategik serta mempunyai prospek hartanah yang baik pada masa hadapan.

# PPSN mudahkan nelayan & penduduk setempat dapat maklumat PIP

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **CHAN LILIAN**

**BATU MAUNG -** Kerajaan Negeri mengambil tindakan proaktif dengan menubuhkan Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) pertama seumpamanya di negeri ini di bawah Projek Tambakan Selatan Pulau Pinang.

Terletak di Permatang Damar Laut, PPSN adalah bertujuan memudahkan para nelayan dan penduduk setempat mendapatkan maklumat terkini mengenai Pelan Induk Pengangkutan (PIP) dan Projek Tambakan Selatan Pulau Pinang.

Selain itu, ia dijangka memanfaatkan generasi muda setempat dengan peluang-peluang pekerjaan dan ekonomi terbaru yang wujud sebelum atau sesudah pelaksanaan PIP dan projek tambakan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika hadir merasmikan pusat tersebut percaya bahawa ia mampu menjadi saluran menyebarluas informasi PIP dan penambakan.

**Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) terletak di Permatang Damar Laut.**

**Bertujuan memudahkan para nelayan dan penduduk setempat mendapatkan maklumat terkini mengenai Pelan Induk Pengangkutan (PIP) dan Projek Tambakan Selatan Pulau Pinang.**

**Selain itu, ia dijangka memanfaatkan generasi muda setempat dengan peluang-peluang terbaru yang wujud sebelum atau sesudah pelaksanaan PIP dan projek tambakan.**

"Saya yakin, pihak Rakan Pelaksana Projek (PDP) juga telah banyak memberikan maklumat bernilai kepada para nelayan dan penduduk setempat.

"Usaha-usaha ini akan diteruskan di samping membantu golongan nelayan meningkatkan pendapatan dan hasil tangkapan masing-masing," ucapnya pada Majlis Perasmian PPSN di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan Lim Hock Seng dan Ahli Lembaga Pengarah SRS Konsortium (selaku syarikat penyampai projek), Datuk Azmi Mat Nor.

Pusat yang akan berkhidmat sebagai lokasi penglibatan sehenti atau *'one-stop centre'* berkenaan adalah hasil inisiatif, Abdul Malik yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung dan Pengerusi Taskforce Nelayan PIP setempat.



KETUA Menteri sambil ditemani Abdul Malik Abul Kassim (kiri sekali) menyantuni sekumpulan kanak-kanak tempatan yang sedang bermain karom sejurus Majlis Perasmian PPSN di sini baru-baru ini.

**Abdul Malik memberitahu, penubuhan PPSN adalah amat bertepatan bagi membantu orang ramai khususnya penduduk yang terlibat dalam PIP dan tambakan untuk memahami hasrat Kerajaan Negeri dalam usaha melaksanakannya.**

**"Mengurai kesesakan trafik merupakan cabaran utama Kerajaan Negeri pada masa hadapan dan PIP merupakan pelan pengangkutan komprehensif yang merangkumi semua medium pengangkutan untuk rakyat Pulau Pinang termasuklah di Batu Maung ini,"** jelasnya.

Dalam pada itu, Abdul Malik turut menyatakan dua lagi PPSN bakal dibangunkan dalam tempoh terdekat.

**PPSN beroperasi setiap hari kecuali Sabtu dan Ahad bermula pada jam 9 pagi hingga 5 petang.**

# KN yakin boleh bina jambatan tanpa tol – KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, beliau yakin Kerajaan Negeri mampu dan boleh membina jambatan tanpa tol sekiranya Kerajaan Pusat meluluskan pemajuannya.

Jelasnya, cadangan pembinaan jambatan tanpa tol tersebut adalah sejajar dengan keperluan laluan ketiga yang juga sebahagian daripada Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP).

"Saya yakin kita (Kerajaan Negeri) mampu membina jambatan tanpa tol dan memastikan rakyat mendapat manfaat darinya sungguhpun kini kita terpaksa berdepan dengan banyak kritikan.

"Kita (Kerajaan Negeri) juga mahukan pembangunan yang seimbang (bagi seluruh negeri).

"Sekiranya di SPT (Seberang Perai Tengah), kita ada laluan jambatan pertama (Jambatan Pulau Pinang) dan di SPS (Seberang Perai Selatan), kita ada jambatan kedua (Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah). Tetapi bagi SPU (Seberang Perai Utara) tiada.

"Oleh itu, laluan ketiga diperlukan iaitu dari Persiaran Gurney ke Bagan Ajam di SPU," katanya pada Majlis Pemberian Insentif Perkhidmatan kepada Pemandu Teksi Bajet, Teksi Lapangan Terbang, Teksi Eksekutif, Teksi Mewah, Limousin dan Kereta Sewa di Dewan Sri Pinang, 30 Mei lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng dan Pengerusi Gabungan Pemandu Teksi Pulau Pinang, Abd. Malik Darus.

Mengulas lanjut, Guan Eng berharap agar Kerajaan Persekutuan dapat memberi kelulusan untuk pembinaan jambatan tersebut ekoran situasi semasa kesesakan trafik di Pulau Pinang.

"Dahulu cuma ada Jambatan Pulau Pinang, tetapi, peningkatan jumlah kenderaan yang keluar masuk di negeri ini menyebabkan laluan kedua diperlukan lalu jambatan kedua dibina.

"Cadangan laluan ketiga ini bukan untuk sekarang, tetapi untuk tahun 2025 hingga 2027 nanti setelah melihat (pola) trafik di Pulau Pinang kini dengan unjuran peningkatan kenderaan atas jalan untuk tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang," ujarnya.

Tambah Guan Eng, beliau sendiri mengutuskan sepucuk surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Razak berhubung isu berkaitan demi menunjukkan kesungguhan Kerajaan Negeri untuk membina laluan ketiga itu.

| Penjamin 1 | : ABDUL GHANI BIN H CHE MEH@H MAN - 66082802****<br>756-B BLOK J, TAMAN TUN DR AWANG, BAGAN AJAM<br>13000 BUTTERWORTH |
| Penjamin 2 | : MOHD KHAIRUL NIZAM BIN ABD LATEH (T722054) - 81041002****<br>KOLEJ TENTERA UDARA ALOR SETAR 06200 KEPALA BATAS, KEDAH |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 11256 |
| Peminjam | : CHENG HSZE MIN - 89050807****<br>614A PANGSAPURI SRI MEKAR, JLN PERUSAHAAN RINGAN 1,<br>MAK MANDIN 13400 BUTTERWORTH |
| Penjamin 1 | : CHENG TAT WAH - 64102107****<br>6-14A PANGSAPURI SRI MEKAR, JLN PERUSAHAAN RINGAN 1,<br>MAK MANDIN 13400 BUTTERWORTH |
| Penjamin 2 | : ONG AH KEOW - 64092307****<br>6-14A PANGSAPURI SRI MEKAR, JLN PERUSAHAAN RINGAN 1,<br>MAK MANDIN 13400 BUTTERWORTH |

**Mira residence**

Penjelmaan gaya kehidupan terunggul di Tanjung Bunga, Pulau Pinang



- 348 unit kediaman elit dalam dua menara unggul
- Kondominium kontemporari yang menakjubkan dan menawarkan 9 jenis susun atur yang unik dan bergaya
- Keluasaan Lantai Kasar (GFA) antara 1,352 hingga 3,642 kaki persegi
- Pelbagai jenis kemudahan disediakan dengan sekuriti yang dipantau 24 jam
- Terletak di komuniti mantap iaitu di Permai Village, Tanjung Bunga
- Hak milik kekal
- Dijangka siap pada Disember 2016




**BSG | Property®**

**UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI:**
+604 229 6288 | www.bsgproperty.com

| | | | |
|---|---|---|---|
| **IBU PEJABAT** | : 25-B Lebuh Farquhar, 10200 Pulau Pinang, Malaysia | T: +604 263 7888 | F: +604 261 6985 |
| **THE GALLERIA** | : 52, Jalan Sultan Ahmad Shah, 10400 Penang, Malaysia | T: +604 229 6288 | F: +604 228 0188 |
| **PERMAI GALLERIA** | : Lot 10111, Jalan Lembah Permai, 11200 Tanjung Bunga, Pulau Pinang, Malaysia | T: +604 891 2828 | F: +604 891 8008 |

Mira Residence • Pemaju: Taman Sri Setia Sdn Bhd (87459-P) • No. Lesen Pemaju: 4258-7/12-2017/1742 • Tempoh Sah: 19.12.2012 hingga 18.12.2017 • Permit Iklan dan Jualan: 4258-7/02-2017/01273(P) • Tempoh Sah: 21.02.2016 hingga 20.02.2017 • Pihak Berkuasa Meluluskan Pelan Majlis Bandaraya Pulau Pinang • Sekatan Tanah: Tiada • No. Pelan Bangunan MPPP/OSC/PB(4934)/12(LB) • Harga Minima: RM 1,333,000.00 - Harga Maksima: RM 3,417,000.00 • Jumlah Unit: 348 sahaja • Tarikh Dijangka Siap: Dis 2016 • Pemilikan Tanah: Hak Milik Kekal • 5% Diskaun untuk Warga Bumiputera • Tertakluk kepada terma dan syarat






# Adu kilang lepas gas tercemar tak relevan, respons Exco



PHEE Boon Poh.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Aduan satu pihak mengenai Kilang Ruspert Eco Coating Sdn. Bhd. di Jalan Bukit Minyak, Bukit Mertajam melepaskan gas sehingga menjejaskan kualiti udara serta kesihatan beliau serumah adalah tidak relevan.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata demikian berdasarkan keputusan mesyuarat yang dipengerusi beliau sendiri pada 15 Mac lalu.

"Pelepasan gas oleh kilang Ruspert Eco Coating Sdn. Bhd. dekat Jalan Bukit Minyak, Bukit Mertajam adalah mematuhi tahap yang ditetapkan di bawah Peraturan 13, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

"Ini, adalah hasil daripada pemantauan dan siasatan yang dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang (JASPP) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (DOSH), yang sudah memastikan bahawa semua aspek berkaitan berada di bawah paras dibenarkan," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, wakil MPSP, JASPP, DOSH, Biro Pengaduan Awam serta wakil Ruspert Eco Coating Sdn. Bhd. sendiri.

Menurut Boon Poh, pengadu dalam pada itu diberi masa selama 14 hari untuk melantik orang yang kompeten (OYK) bagi menjalankan ujian secara terperinci, demi memberikan pandangan kedua berhubung isu berbangkit tersebut.

"Sekiranya masih tidak berpuas hati, beliau (pengadu) boleh melakukan kajian sendiri.

"Tetapi, perunding yang dilantik mestilah dalam kalangan mereka yang bertauliah," ujarnya sambil memberitahu bahawa pihaknya memandang serius mengenai dakwaan isu pencemaran udara akibat sisa buangan toksik berkaitan.

Tambah Boon Poh, pengadu juga sebenarnya berhak untuk mengambil tindakan undang-undang sekiranya beliau masih berpendapat bahawa kualiti udara di sekitar rumahnya mengandungi toksik, sepertimana didakwa sebelum ini.

"Tapi, setiap kali kami menjemputnya (pengadu) ketika mesyuarat, dia (pengadu) tidak hadirkan diri," jelasnya.

Difahamkan, pengadu pada 11 Mac 2015 serta 26 Mac tahun sama ada membuat aduan berwajib di JASPP, sambil menggesa jabatan kerajaan terbabit segera membuat siasatan lanjut.

Pada 27 Januari lalu, semua pihak terbabit menghadiri mesyuarat susulan yang dipengerusikan oleh Boon Poh, kecuali pengadu berkenaan walaupun dijemput untuk turut serta.


VILLA RAINTREE 1

HAKMILIK KEKAL



RUMAH LINK BERKEMBAR 2 TINGKAT

Keluasan Tanah : 2153kp (min) - 2928kp (max)
Keluasan Binaan : 2548kp (min) - 2548kp (max)
Harga Jualan : RM668,000 (min) - RM795,000 (max)
Bilangan Unit : 112



RUMAH TERES 2 TINGKAT

Keluasan Tanah : 1281kp (min) - 3111kp (max)
Keluasan Binaan : 2191kp (min) - 2314kp (max)
Harga Jualan : RM588,000 (min) - RM766,000 (max)
Bilangan Unit : 166



RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT

Keluasan Tanah : 2153kp (min) - 2153kp (max)
Keluasan Binaan : 2232kp (min) - 2232kp (max)
Harga Jualan : RM698,000 (min) - RM718,000 (max)
Bilangan Unit : 4



RUMAH BANDARAN

Keluasan Tanah : 1884kp (min) - 2659kp (max)
Keluasan Binaan : 1709kp (min) - 1873kp (max)
Harga Jualan : RM438,000 (min) - RM575,000 (max)
Bilangan Unit : 56

PELAN LOKASI




PALMINGTON SDN BHD (892241-W)
12-01, Penthouse, Wisma Pantai,
Jalan Wisma Pantai, Kampung Gajah,
12200 Butterworth.
Tel: 04-324 0088 Fax: 04-324 0090
Email: tilb@tambunindah.com

5% DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA

No. Lesen Pemaju: 11882-4/11-2016/01188(L)
No. Permit Iklan & Jualan: 11882-4/11-2016/01188(P)
Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan: MPSP
No. Rujukan Pelan Bangunan: MPSP/40/20-75/43
Tarikh Pemajuan Dijangka Siap: Dec 2017
Jenis Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal
Bebanan Tanah : OCBC
Sekatan Kepentingan: Tiada

Tempoh Sah : 25/11/2014 - 24/11/2016
Tempoh Sah : 25/11/2014 - 24/11/2016

Bilangan Unit:
Rumah Link Berkembar 2 Tingkat - 112 unit
Rumah Berkembar 2 Tingkat - 4 unit
Rumah Teres 2 Tingkat - 166 unit
Rumah Bandaran - 56 unit

# Semangat kekeluargaan kurang utuh punca gejala sosial dalam komuniti – Exco

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT MERTAJAM –** Semangat kekeluargaan yang kurang utuh mampu menyumbang kepada pelbagai gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah, jenayah ragut, rogol dan sebagainya dalam komuniti setempat di negeri ini.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng berkata demikian pada Majlis Sambutan Hari Keluarga Antarabangsa Peringkat Seberang Perai 2016 di perkarangan Stadium Sukan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dekat Jalan Betik di sini baru-baru ini.

"Dalam suasana menikmati proses kemajuan dan pembangunan pesat sekarang ini, nilai-nilai murni dan semangat kekeluargaan yang menjadi amalan kita selama ini kian terhakis.

"Warga Pulau Pinang seharusnya mengamalkan bukan sahaja di rumah, tetapi juga di luar rumah supaya dapat melahirkan sikap prihatin, hormat-menghormati bertolak ansur, amanah dan telus sesama kita," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang ketika membahaskan tema sambutan kali ini, iaitu 'Keluarga, kehidupan yang sihat dan masa depan yang mampan'.

Setiausaha Majlis MPSP, Sr. Rozali Mohamud serta beberapa Ahli Majlis bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan turut sertai majlis sambutan tersebut.

Demi menjadikan Pulau Pinang negeri pintar, ujar Chong Eng, Kerajaan Negeri senantiasa menggalakkan warganegeri supaya mengutamakan gaya hidup sihat dan rajin bersenam.

"Bagi mencapai matlamat tersebut, warganegeri disarankan untuk menjalankan aktiviti fizikal dan kekeluargaan dengan lebih kerap seperti berkunjung ke taman-taman rekreasi dan berkelah.

"Justeru, MPSP akan mengedarkan risalah kawasan-kawasan rekreasi dan riadah di Seberang Perai yang sesuai digunakan untuk mengukuhkan ikatan kekeluargaan dan meningkatkan tahap kesihatan," jelas beliau.

**Lampiran risalah di muka surat 23.*



**GELAGAT sebuah keluarga yang sempat dirakam lensa Buletin Mutiara.**



**CHONG Eng (berbaju jingga) dan Sr. Rozali Mohamud (tiga dari kiri) menunjukkan replika risalah kawasan-kawasan rekreasi dan riadah di Seberang Perai yang dilancarkan bersempena Sambutan Hari Keluarga Antarabangsa Peringkat Seberang Perai di sini baru-baru ini.**


THE LANDMARK

Menikmati Kehidupan ala Resort di Pulau Pinang

- Menara setinggi 41 tingkat yang terdiri daripada 242 unit Pangsapuri Servis dan 66 unit Kondominium
- Terletak di sepanjang Jalan Tanjung Tokong
- Ukuran GFA Pangsapuri Servis adalah dari 799 hingga 1,899 kaki persegi
- Ukuran GFA Kondominium adalah dari 2,622 hingga 3,004 kaki persegi
- Keanekaan reka bentuk unit untuk memenuhi kepelbagaian cita rasa
- Terletak dalam lingkungan bandaraya dan berdekatan kawasan pelancong terkemuka iaitu Persiaran Gurney dan Batu Feringgi
- Kemudahan yang mengutamakan gaya hidup moden dan estetik disediakan
- Residen ideal yang menawarkan kehidupan tenang bagi keperluan masing-masing
- Sistem sekuriti berlapisan 4 yang dilengkapi dengan pengawasan 24 jam
- Hak milik kekal
- Dijangka siap pada 2017






BSG | Property®

UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI:
+604 229 6288 | www.bsgproperty.com

**IBU PEJABAT :**
25-B Lebuh Farquhar, 10200 Pulau Pinang, Malaysia
T: +604 263 7888 F: +604 261 6985

**THE GALLERIA :**
52, Jalan Sultan Ahmad Shah, 10400 Penang, Malaysia
T: +604 229 6288 F: +604 228 0188

**PERMAI GALLERIA :**
Lot 10111, Jalan Lembah Permai, 11200 Tanjung Bunga, Pulau Pinang, Malaysia
T: +604 891 2828 F: +604 891 8008

The Landmark · Pemaju: Katana Developments (The Landmark) Sdn Bhd (983400-W) · No. Lesen Pemaju: 12303-1/01-2018/106 · Tempoh Sahlaku : 21/01/2013 hingga 20/01/2018 · No. Permit & Jualan Iklan: 12303-1/06-2017/01859(P) · Tempoh Sahlaku: 07/06/2016 hingga 06/06/2017 · Diluluskan oleh: Majlis Perbandaran Pulau Pinang · Bebanan Tanah : Tiada · No. Pelan Bangunan : MPPP/OSC/PB(3938)/11(LB) · Jumlah Unit: 66 sahaja · Tarikh Pemajuan Perumah Dijangka Siap: Disember 2017 · Jenis Pegangan Tanah: Hak Milik Bebas · 5% Diskaun untuk Warga Bumiputera · Semua maklumat yang disebutkan adalah untuk unit Kondominium sahaja · Harga Jualan: Pangsapuri Servis Minima. RM1,208,000 – Maksima. RM4,185,000.00, Kondominium Minima · RM3,606,000.00 – Maksima. RM10,028,000.00 · Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat

# Cemburu & ingin cuba, rahsia Zulkifli berjaya usaha Keladi Cina



ZULKIFLI Saad menunjukkan Keladi Cina berurat merah yang memiliki pasaran tinggi.

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**WALAUPUN** cuaca panas terik dan peluh menitik-nitik ketika sesi temubual diadakan, pemandangan hijau di bendang yang terletak di Kampung Air Melintas Kecil, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara (SPU) mengatasi segala-galanya.

Pertemuan dengan pengusaha tanaman keladi, Zulkifli Saad, 50, yang diatur Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pinang Tunggal, Muhasdey Muhamad amat dinanti-nantikan penulis.

Bagi merungkai misteri tersembunyi, penulis ingin menyelongkar apakah faktor yang menarik Zulkifli mengusahakan tanaman yang lazimnya hanya ditanam petani berbangsa Cina.

Sudah tujuh tahun Zulkifli mengusahakan tanaman berkaitan. Baginya, tiada kekesalan diluahkan semenjak beliau mengambil risiko menanam 50,000 pokok Keladi Cina tanpa sebarang pengalaman, sebaliknya hanya berasaskan rasa 'cemburu' dan ingin mencuba.

"Saya tengok petani-petani Cina mengusahakan tanaman ini, rasa cemburu. Mereka dapat keuntungan lumayan.

"Saya cuba ambil benih daripada dia (rakan), cuba tanam dan terus jadi. Selepas itu, buat keputusan untuk teruskan, ambil 50,000 benih dari Vietnam dengan modal 20 sen sepokok, tanam dan alhamdulillah terus jadi," katanya kepada penulis sambil menunjukkan kawasan tanaman keladi beliau dari bahu jalan.

Zulkifli yang kini mengusahakan tanaman jenis Keladi Cina di kawasan seluas lima hingga enam ekar memberitahu, permintaan keladi jenis berkaitan memang sentiasa ada, malah ia adalah tidak mencukupi.

"Pasarannya adalah banyak ke luar negara, dieksport ke Taiwan, Hong Kong, Jepun dan China. Kilang di Kampung Selamat (Tasek Gelugor) yang membeli dan bekalkan kepada pasaran negara-negara berkaitan.

Mengulas lanjut, Zulkifli menyatakan bahawa beliau hanya mengusahakan tanaman Keladi Cina.

"Keladi Cina Paling sedap jika buat kuih. Rasanya juga lain, rasa lemak lain. Malah, pasarannya sentiasa ada berbanding jenis-jenis yang lain.

"Bagi mengenalpasti ia, Keladi Cina mempunyai urat berwarna merah dan bukannya hijau sebagaimana jenis-jenis keladi lain seperti Keladi Asam Pedas, Keladi Putih, Keladi Hitam dan lain-lain.

"Namun, sekiranya tidak bernasib baik, walaupun baka yang ditanam adalah Keladi Cina, hasil yang diperoleh adalah tidak semestinya berurat merah sebagaimana diharapkan," jelasnya sambil menunjukkan urat-urat pada isi keladi yang dipotong khas untuk ditunjukkan kepada penulis.

Ketika ditanya mengenai rahsia tanaman keladinya, Zulkifli memberitahu bahawa tanaman tersebut perlu ditanam di tanah selut atau tanah liat.



CONTOH pokok Keladi Cina.

"Baja ditabur pada tempoh tiga minggu sekali. Cabaran utama adalah rumput-rumput yang tumbuh perlu dibuang dan begitu juga dengan anak-anak pokok keladi yang tumbuh pada (ibu) pokok asal.

"Umunya, saya memilih untuk menanam keladi kerana ia kurang risiko, tahan cuaca, tidak perlukan banyak baja, masalah penyakit dan ulat juga adalah kurang," ujarnya sambil mendakwa bahawa masih ramai yang tidak mengetahui mengenai pulangan lumayan tanaman keladi serta khasiat sayur berkenaan terutamanya dalam kalangan mereka yang berketurunan Melayu.

Dalam tempoh penglibatannya, Zulkifli menyatakan bahawa pengalaman tidak dapat dilupakan adalah apabila dikejar sekumpulan babi hutan ketika ingin memeriksa kebunnya pada waktu pagi.

"Sama-sama terkejut apabila bersemuka depan-depan. Saya terus lari dan ia (babi hutan) pula jenis binatang yang tidak pergi (lari) ke belakang.

"Saya lari sampai tiada had, juga tidak toleh ke belakang. Tidak perasan pula bila dapat melepaskan diri! Balik rumah terus demam!" katanya sampai tersenyum.

Bagi perancangan masa depan, Zulkifli ingin memperkembangkan lagi perusahaannya.

"Kini, saya dan tiga pekerja sahaja yang buat. Harap dapat tambah.

"Pada masa sama, saya turut harapkan lebih banyak 'persaingan' iaitu lebih ramai pengusaha yang mengambil inisiatif menanam tanaman ini, agar dapat kongsi idea dan tukar-tukar barang jika perlu," ujarnya yang memang meminati bidang pertanian berbanding daripada makan gaji.

Dikurniakan dua cahaya mata, Zulkifli memberitahu bahawa anak-anaknya tidak meminati bidang diceburinya.

"Saya akan terus buat selagi mampu, saya seronok dan puas dengan ganjaran diterima hasil titik peluh saya," katanya sambil memandang ke arah bendang yang menghijau dengan tanaman Keladi Cina yang sedia untuk dituai dalam tempoh beberapa bulan lagi.

**INFO :**
**No. Telefon : 019 – 573 9754**



TANAMAN Keladi Cina yang ditanam di Kampung Air Melintas Kecil, Tasek Gelugor, SPU.



MENCABUT rumput-rumput yang tumbuh di sekeliling pokok keladi.







Tabung Usahawan Tani Muda merupakan program skim mikro kredit oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menawarkan pinjaman tanpa faedah berjumlah RM5,000 bagi membantu usahawan-usahawan tani di negeri ini memperkembangkan perusahaan masing-masing.

Antara penerima skim Tabung Usahawan Tani Muda yang berjaya dan cemerlang ialah Muhammad Hashim yang mengusahakan tanaman sayur-sayuran di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT); Mohd. Salmee Ismail (penanaman sayur-sayuran, Daerah SPT) dan Khairul Nizam Mat Taib (penternakan ayam piru, Daerah Seberang Perai Utara, SPU).

Daftarlah sekarang!!

# Papan notis beri keselesaan untuk semua - MBPP

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AMANDA KHONG XIA LING**

**GEORGE TOWN –** Majoriti peniaga yang ditemui di pasar-pasar awam serta kompleks makanan kepunyaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di sini menyatakan sokongan berhubung pemasangan papan notis larangan di lokasi-lokasi awam oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan sejak awal Mei lalu.

Ahli Majlis MBPP merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Ong Ah Teong berkata, sehingga 19 Mei lalu, sebanyak 18 papan notis larangan telah diletakkan di pasar–pasar awam dan kompleks makanan terpilih.

"18 daripada 30 lokasi pasar-pasar awam dan kompleks makanan terpilih telah siap diletakkan papan notis larangan, manakala, baki 12 lagi akan diletakkan secara berkala pada tempoh terdekat.

"Antara isi kandungan papan notis berkaitan adalah mengenai larangan yang telah dikuatkuasakan MBPP sebelum ini, termasuk larangan merokok, larangan meletakkan kenderaan di laluan masuk premis, tidak berjudi, tidak melakukan vandalisme, tidak membawa atau minum minuman keras, tidak membawa binatang peliharaan, tidak membuat bising dan tidak membawa makanan dan minuman luar," katanya pada sidang media di Dewan Bandaraya di sini baru-baru ini.

Ah Teong memberitahu, berdasarkan aduan dan pandangan umum, beberapa larangan telah dikuatkuasakan bagi menjaga premis milik MBPP dan pada masa sama untuk memberi keselesaan kepada semua pengunjung.

"Pada masa sama, ia (pemasangan tersebut) juga adalah selaras dengan saranan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kepada semua PBT di negara ini bagi mewujudkan Pasar Sejahtera.

"Justeru, saya berharap lebih ramai orang maklum akan hal ini kerana ia adalah saranan daripada pihak Kerajaan Persekutuan dan ia (pemasangan notis larangan) telah mula dilaksanakan di beberapa buah negeri sebelum ini," jelas beliau.



ONG Ah Teong menunjukkan gambar membuktikan bahawa orang ramai memberikan maklum balas positif berhubung pemasangan papan tanda pada sidang media di sini baru-baru ini.

## Penjaja Pasar Chowrasta mohon kecuali bayaran lesen hingga projek naik taraf selesai




TEH Lai Heng (lima dari kanan) menerima surat daripada Mohamed Nasir Mohideen (tujuh dari kanan) sambil ditemani wakil-wakil penjaja Pasar Chowrasta pada sidang media di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Para penjaja di Pasar Chowrasta di sini merayu agar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mempertimbangkan pengecualian bayaran lesen perniagaan dan sewa gerai yang bermula 1 Januari 2016 sehinggalah kerja-kerja menaik taraf pasar berkenaan selesai.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng berkata, permintaan para penjaja tersebut adalah berasaskan kerja-kerja menaik taraf pasar sejak 2013 dan berlanjutan terlalu lama hingga menjejaskan perniagaan mereka.

"Pasar ini sepatutnya siap pada 31 Mac tahun lalu, tetapi ia telah lewat dari tarikh yang dijadualkan sehingga mendatangkan kerugian buat mereka (penjaja).

"Akibat dari habuk kerja-kerja pembinaan, ramai pembeli kurang selesa untuk datang ke sini," katanya pada sidang media bersama-sama Persatuan Penjaja Pasar Chowrasta di sini baru-baru ini.

Dalam sidang media sama, Lai Heng turut menerima surat yang mengandungi tandatangan terkumpul daripada para penjaja untuk diserahkan kepada Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail.

Hadir sama, Pengerusi Pasar Chowrasta, Mohamed Nasir Mohideen dan Naib Pengerusinya, Liew Mok Hiong.

Difahamkan, MBPP memperuntukkan RM13 juta untuk menaik taraf pasar berkenaan.

## 'Pesta Mutiara' di Seberang Perai - YDP

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) serta beberapa agensi kerajaan berwajib bakal menganjurkan 'Pesta Mutiara' di Tapak Ekspo Seberang Jaya pada bulan September ini.

Pun begitu, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, 'Pesta Mutiara' yang akan dianjurkan mempunyai sedikit kelainan dengan produk pelancongan Pesta Pulau Pinang yang sedia ada di bahagian pulau sempena musim cuti sekolah pada setiap hujung tahun.

"Pesta Pulau Pinang telah ada di bahagian pulau, kenapa tidak suatu pesta diadakan di Seberang Perai...konsepnya kalau boleh kita nak buat lain sikit.

"Sebenarnya, nama 'Pesta Mutiara' itu masih belum dimuktamadkan lagi...'Pesta Mutiara' ini akan kita (MPSP) bincang dengan YB (Dr.) Afif Bahardin (Ahli Dewan Undangan Negeri Seberang Jaya merangkap Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan)," ujarnya kepada pemberita selepas Majlis Perhimpunan Korporat di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Tambah Maimunah, penganjuran 'Pesta Mutiara' berkaitan sekaligus bakal mempromosi Tapak Ekspo Seberang Jaya sebagai salah satu aset komersial di tanah besar Seberang Perai.

Ketika menjawab soalan wartawan, Maimunah memberitahu, pihaknya tidak pernah pilih bulu dalam menguatkuasa undang-undang penyalahgunaan kuasa parkir khas orang kurang upaya (OKU)

"Ada seorang sahaja pegawai yang salah guna parkir OKU, tapi 'kerana setitik nila habis susu sebelanga'.

"Kita (MPSP) nak tunjuk bahawa dekat luar premis MPSP, kita ambil tindakan dan di dalam (di sini) pun kita ambil tindakan... pegawai tersebut telahpun diberikan amaran," jelas beliau.




KAKITANGAN Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa MPSP menunjukkan piala yang dimenangi selepas selesai Majlis Perhimpunan Korporat di sini baru-baru ini.

# YDP syor Guar Kepah jadi tapak kajian UNESCO selain Sg. Batu

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Kompleks Arkeologi Sungai Batu dekat Sungai Petani pada 23 Mei lalu melakar sejarah buat negara dan Asia Tenggara apabila diisytiharkan secara rasmi sebagai tamadun terawal dan tertua di rantau ini.

Acara bersejarah itu diabadikan melalui penyerahan plak pengisytiharan oleh pakar arkeologi daripada Universiti Oxford, Profesor Dr. Stephen Oppenheimer kepada Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global di Universiti Sains Malaysia, Profesor Datuk Dr. Mokhtar Saidin, pada majlis penutupan Festival Kedah Tua 2016 di sana.

Susulan itu, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif diminta mengulas mengenai status Guar Kepah dekat Penaga, yang dikatakan mempunyai nilai warisan serta ada kaitan dengan tamaduan dunia Sungai Batu.

"Guar Kepah ini tak ada hubung kaitan dengan Lembah Bujang...tapi pada pendapat saya ia (Guar Kepah) pun ada aset warisan.

"Kalau boleh membuat kajian mendalam mengenai Guar Kepah dan (Sungai Batu dekat) Lembah Bujang, mungkin boleh buat, mungkin boleh jadi tapak bagi (kajian) UNESCO (Pertubuhan Pelajaran, Sains, dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu)," ujarnya ketika menjawab soalan pemberita.



MAIMUNAH Mohd. Sharif.

Sebelum itu, Maimunah menyampaikan ucapan pada Majlis Perhimpunan Korporat di Kompleks MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Tambah Maimunah, MPSP ada berbincang dengan Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Ketua Menteri (CMI) dan agensi persekutuan Think City untuk memelihara serta memulihara nilai warisan di sekitar tanah besar Seberang Perai.

"Kita (MPSP) sudah menubuhkan suatu badan bertindak (iaitu) Jawatankuasa Pelancongan dan Warisan, tapi kita perlu kerja kuat.

"Yang penting, kita perlu promosi sebagaimana promosi George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO, awal-awal dahulu lagi semua orang tahu," jelasnya.

Tambah beliau, MPSP buat kali pertama mengeluarkan Peta Panduan Pelancong pada tahun 2012 demi mempromosi nilai warisan dan kawasan pelancongan di ketiga-tiga daerah Seberang Perai.

## Lebar Jln. Masjid Negeri, 16 pokok dipindah tanam - MBPP

Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bakal memindah tanam 16 batang pokok di sepanjang Jalan Masjid Negeri bagi memberi laluan kepada projek pelebaran jalan di sini.

Jurutera Lalulintas dan Pengangkutan Awam MBPP, Ir. Zainudin Mohd. Shariff berkata, pokok-pokok tersebut akan ditanam semula di perkarangan kuarters kerajaan kira-kira 100 meter dari lokasi asal.

"Jika mengikut perancangan awal, sebanyak 33 batang pokok perlu dipindahkan, tetapi kini, Majlis telah berjaya mengurangkan jumlah itu kepada 16 (batang pokok) sahaja.

"Proses memindah tanam ini bermula pada akhir bulan Jun dan akan mengambil masa kira-kira sebulan untuk disempurnakan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan tapak di Jalan Masjid Negeri di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Arkitek Landskap MBPP, Azizul Fahmi Muhamad.



IR. Zainudin Mohd. Shariff (tengah) dan beberapa pegawai terlibat menunjukkan pelan pemindahan pokok-pokok pada sesi lawatan ke Jalan Masjid Negeri di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Zainudin memberi jaminan bahawa kadar kebolehhidupan pokok yang bakal dipindah tanam adalah sehingga 88 peratus.

"Pemindahan pokok berusia antara 25 hingga 45 tahun ini akan diselia oleh pakar-pakar bertauliah dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan 'doktor pokok' (*arborist*) yang dilantik oleh MBPP.

"Kebanyakan pokok-pokok yang terlibat adalah dari jenis Angsana dan pokok Semarak Api Kuning," ujarnya yang turut memberi jaminan bahawa keseluruhan proses akan dijalankan dengan teliti.

Projek pelebaran Jalan Masjid Negeri yang melibatkan kos RM7.85 juta perlu dilaksanakan untuk menangani masalah kesesakan trafik pada masa hadapan memandangkan jumlah kenderaan yang menggunakan laluan ini mencecah 68,000 buah setiap hari.



# Naik taraf dua lif, simbol KN cakna kebajikan komuniti – ADUN

**PERAI** – Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy menyifatkan penggantian dan inisiatif menaik taraf dua unit lif di Flat Teluk Indah di sini yang menelan belanja RM170,000 sebagai sebuah projek cakna komuniti.

Bercakap kepada pemberita, Ramasamy berkata, 80 peratus kos projek penaiktarafan tersebut ditanggung oleh Kerajaan Negeri, manakala 20 peratus lagi adalah melalui peruntukannya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan tersebut.

"Penduduk Flat Teluk Indah menghadapi masalah untuk menaiki flat 21 tingkat ini kerana lif seringkali tidak berfungsi akibat perbuatan vandalisme.

"Oleh demikian, atas dasar keprihatinan, Kerajaan Negeri memutuskan untuk membiayai kos penggantian dan menaik taraf lif di sini demi keselesaan komuniti setempat," katanya ketika hadir merasmikan projek berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Pengerusi Perbadanan Pengurusan Bersama (JMB) Blok E2 Flat Teluk Indah, Azahar Ibrahim serta Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), M. Satees.

Dalam perkembangan sama, beliau berharap JMB flat tersebut dapat mencari pendekatan untuk memasang kamera litar tertutup (CCTV) kelak demi membendung perbuatan vandalisme sekaligus menjamin keselamatan komuniti di sini.

"Malah, saya juga amat berharap agar komuniti di sini dapat menjaga kebersihan persekitaran flat sini bagi memastikan keselesaan semua pihak," ujar beliau.



PROF. Dr. P. Ramasamy (tengah) dan M. Satees (kiri sekali) bergambar di hadapan lif baru yang siap dinaik taraf paada majlis perasmiannya di sini baru-baru ini.

## Anjur ASGT kumpul dana bantu badan amal



TEH Lai Heng (kiri) menyerahkan cek sumbangan kepada wakil HOH di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Program hiburan jalanan dikenali sebagai *Armenian Street Got Talent* (ASGT) yang dianjurkan pada 7 hingga 14 Mei lalu bersempena sambutan Hari Ibu berjaya mengumpul dana sejumlah RM850.

Mengulas lanjut, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng berkata, dana kutipan itu akan disumbangkan kepada badan amal, *House of Hope* (HOH).

"Dana yang terkumpul daripada aktiviti seni jalanan ini akan diserahkan kepada badan amal berkenaan bagi menampung kos tambang bas dan wang saku kanak-kanak sekolah rendah dalam kalangan keluarga yang memerlukan.

"Ia menelan belanja sebanyak RM50 membabitkan 200 kanak-kanak yang menerima subsidi ini setiap bulan," ujarnya kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Lai Heng turut merakamkan penghargaan kepada *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI), *Penang Global Tourism* (PGT), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Pertubuhan Warisan Kesenian dan Kebudayaan Pulau Pinang kerana sudi bekerjasama dengan Pusat Khidmat Rakyat Dewan Undangan Negeri (DUN) Komtar, di bawah kendaliannya.

Difahamkam, ASGT diadakan pada setiap hari Sabtu bermula pada jam 5 petang hingga 9 malam, bertempat di Lebuh Armenian.

Tambah Lai Heng, pihaknya akan cuba membantu HOH untuk memindahkan maklumat keluarga terbabit demi memastikan mereka mendapat bantuan berwajib daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang (JKMPP).



YAP Soo Huey menunjukkan sebuah kereta yang dikapit di Pulau Tikus baru-baru ini.

## Pelekat parkir istimewa bagi penduduk Pulau Tikus, cadang ADUN

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**PULAU TIKUS** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey menyarankan agar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dapat mempertimbangkan cadangannya berhubung penstrukturan semula sistem parkir di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) beliau.

Katanya, cadangan untuk memperkenalkan sistem dikenali sebagai 'Sistem Khas Parkir 15 Minit' itu adalah bertujuan memberi peluang kepada orang ramai yang mempunyai urusan singkat di premis-premis komersial sekitar Pulau Tikus.

"Cadangan ini bukan sahaja membolehkan orang ramai meletakkan kenderaan di petak-petak khas bagi urusan singkat seperti mengeluarkan wang di bank-bank, membeli makanan ataupun singgah membayar bil.

"Tetapi, turut mengelakkan pemandu meletakkan kenderaan di bahu-bahu jalan yang boleh mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya lain," katanya kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Ujar Soo Huey, pada Februari 2015, beliau pernah mengemukakan beberapa cadangan kepada MBPP, namun melalui maklum balas yang diterima, petak-petak parkir di Pulau Tikus dikelolakan oleh syarikat swasta, Alam Indah Sdn. Bhd..

"Saya turut mencadangkan agar penduduk di sekitar taman-taman perumahan di Pulau Tikus diberikan pelekat istimewa bagi mengelakkan tindakan saman apabila mereka meletakkan kenderaan di kawasan rumah sendiri.

"Pelekat istimewa ini membolehkan pihak MBPP membezakan antara penduduk taman perumahan dan orang luar, lantas mengelakkan isu saman seperti yang terjadi sebelum ini," jelasnya.

Bagi menguatkan lagi cadangan tersebut, Soo Huey turut melancarkan borang kaji selidik berhubung penstrukturan semula sistem meletak kenderaan di Pulau Tikus.

"Kaji selidik yang dijalankan ini bakal menunjukkan apa yang dimahukan oleh penduduk di Pulau Tikus serta kehendak bagi pihak ketiga iaitu orang ramai yang selalu berkunjung ke kawasan tersebut," kata beliau.

# Karnival Rakyat platform terbaik hadapi anasir asabiah pembangkang - PPK



ANTARA kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam pertandingan mewarna.



DR. Afif BAHARDIN (kanan sekali) menunjukkan bakat memanah selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Karnival Rakyat KADUN Permatang Berangan di sini baru-baru ini.

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PERMATANG BERANGAN** – Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Permatang Berangan, Ustaz Ahmad Fahmi A. Bakar berkata, penganjuran Karnival Rakyat pihaknya baru-baru ini mampu menjadi platform bagi menyatukan rakyat berbilang kaum dalam menghadapi anasir politik asabiah yang dicetuskan pembangkang Pulau Pinang.

"Ini menepis persepsi masyarakat yang mana, kita (Kerajaan Negeri) buktikan dengan program ini bahawa kita dapat duduk di bawah satu bumbung," katanya pada majlis perasmian karnival itu di sini.

Selain itu, tambah Ustaz Fahmi, penganjuran karnival seumpama itu sekaligus mampu menggalakkan gaya hidup sihat secara berkeluarga dan komuniti.

"Bagi memastikan masyarakat yang berkualiti, kita (pihaknya) akan menitikberatkan aktiviti bagi kehidupan yang lebih sihat, malah supaya sifat ramah dan rahmah dalam kehidupan seharian dapat dipupuk dalam kalangan masyarakat setempat," ujarnya.

Penganjuran disertai hampir 200 peserta berkenaan dirasmikan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Hadir sama, PPK Pinang Tunggal, Ustaz Muhasdey Muhammad dan PPK Teluk Air Tawar, Mustafa Kamal Ahmad serta Shaarik Zahar, iaitu wakil khas Amerika Syarikat kepada Komuniti Muslim dan Delegasi Kedutaan Amerika Syarikat.

Memanah dan pertandingan mewarna merupakan antara acara yang menjadi perhatian pada hari penganjuran.

Oleh : **ME**



# SEGREGATE YOUR WASTE

Implementation of Waste Segregation At Source Policy begins 1st June, 2016

## SEPARATING WASTE INTO AT LEAST TWO STREAMS:



**RECYCLABLES COLLECTION:**
*Landed Properties - Every Saturday by MBPP&MPSP; 8am-4pm.
*Strata premises - will be decided by Joint Management Board/ Management Body.

### 1. RECYCLABLES



**PAPERS**

Example :
Newspapers / Boxes / Magazines / Cardboards / Books



**PLASTIC**

Example :
Plastic Bottles / Plastic Containers / Plastic Bags / Plastic Food Containers / Plastic Buckets



**GLASS**

Example :
Ketchup Bottles / Drinking Bottles



**CAN/METAL**

Example :
Aluminium Cans / Food Cans / Iron / Metal

### 2. GENERAL WASTE






**LEFTOVERS**

Example :
Fruit Peels / Vegetables / Eggshells / Rice



**DIRTY WASTE**

Example :
Disposable Diapers / Dirty Tissues / Dirty Materials / Contaminated Papers or Boxes

### TIPS

- Please tie up your old newspapers into tidy and organised bundles
- Rinse and dry your beverage containers, plastic containers, glass containers, or aluminium cans that contain waste
- The packaging for food and beverages with the ♻ logo is recyclable
- You may also dispose your malfunctioned electrical appliances to recycling centres which collect electronic waste




**DOWNLOAD**
*Mobile App*

HOTLINE:
MBPP : 04-263 7637
MPSP : 04-549 7555
Penang Green Council : 04-250 3322

PENANG GREEN COUNCIL
cleaner greener penang

*For more info, log on to: www.pgc.com.my/waste-segregation-at-source-campaign-and-policy*